KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS

# PENDIDIKAN MORAL

## (PENDIDIKAN KHAS)

## TINGKATAN 3


**Penulis**
Norani binti Abd Rahim
Umah a/p Mugundan

**Editor**
Mohd Hadi bin Roslan
Nurul Shaheza binti Zamri

**Pereka Bentuk**
Amiza bin Abd Hadi

**Ilustrator**
Amiza bin Abd Hadi

**Jurufoto**
Amiza bin Abd Hadi



DBP
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2018

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

No. Siri Buku: 0120

KK 370-221-0102011-49-2092-20101
ISBN 978-983-49-2092-0

Cetakan Pertama 2018
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Attin Press (M) Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:
Percetakan Selaseh Sdn. Bhd.,
No. 30 & 32,
Jalan Selaseh Indah,
Taman Selaseh Fasa 1,
68100 Batu Caves, Selangor.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Alam Sekitar (JAS).
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao.
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS).
- Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- Pusat Penjagaan Orang Tua House of Megaways, Seremban.
- Astro Arena.
- IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
- SMK Tunku Ampuan Durah, Seremban.
- SMK Dato' Ibrahim Yaacob, Kuala Lumpur.
- SMK Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur.

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Pendahuluan | iv |
| Penerangan Ikon Buku Teks | v |
| Panduan Penggunaan Buku Teks | vi |

## Tema 1: Diri, Keluarga dan Persahabatan

| | | |
|---|---|---|
| Unit 1 | Kepekaan Diri terhadap Amalan Pelbagai Agama | 2 |
| Unit 2 | Potensi Diri Membentuk Kecemerlangan Diri, Keluarga dan Persahabatan | 12 |
| Unit 3 | Keharmonian Hidup Bersama dalam Keluarga | 24 |
| Unit 4 | Menghargai Persahabatan | 34 |

## Tema 2: Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat

| | | |
|---|---|---|
| Unit 5 | Hidup Bermasyarakat | 46 |
| Unit 6 | Kemudahan Awam untuk Semua | 56 |
| Unit 7 | Kelestarian Alam Sekitar | 68 |
| Unit 8 | Tanggungjawab Diri dalam Kegiatan Sosial | 78 |

## Tema 3: Moral, Peraturan dan Undang-undang

| | | |
|---|---|---|
| Unit 9 | Adab dalam Majlis | 90 |
| Unit 10 | Hindari Jenayah Kanak-kanak | 100 |
| Unit 11 | Kebebasan Bersuara | 112 |
| Unit 12 | Perlindungan Hak Orang Kurang Upaya, Hak Pengguna dan Hak Pekerja demi Kesejahteraan Bersama | 122 |

| | |
|---|---|
| Senarai Cadangan Jawapan Duga Ilmu | 134 |
| Senarai Rujukan | 136 |
| Salinan Halaman Duga Ilmu | 137 |
| Indeks | 138 |

# PENDAHULUAN

Buku Teks *Pendidikan Moral Tingkatan 3* ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Pendidikan Khas yang diterbitkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Buku ini berteraskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral untuk membentuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) supaya berakhlak mulia, berintegriti dan berpegang teguh pada nilai universal. Semua hasrat ini berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

Penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral merupakan tiga domain moral yang membentuk MBK berakhlak mulia dan membolehkan mereka membuat pertimbangan yang sesuai, tepat dan konsisten berasaskan peraturan atau nilai universal. Domain-domain ini diterapkan melalui pelbagai aktiviti dan latihan yang disediakan dalam buku teks ini. Guru boleh mengubah suai aktiviti dan latihan mengikut tahap kecerdasan, kebolehan dan persekitaran murid. Antara aktiviti yang dijayakan dalam buku teks ini termasuklah nyanyian, projek, lakonan dan permainan. Semua aktiviti ini memberikan peluang kepada murid untuk berkomunikasi, berinteraksi, bekerjasama dalam pasukan, bermaklumat dan memupuk sikap penyayang serta semangat patriotik dalam diri.

Buku teks ini dibahagikan kepada 12 unit yang merangkumi tiga tema, iaitu Tema 1: Diri, Keluarga dan Persahabatan; Tema 2: Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat dan Tema 3: Moral, Peraturan dan Undang-undang. Setiap unit pula mempunyai tujuh bahagian, iaitu Cetus Minda, Tahukah Anda?, Mari Fahami, Mari Selami, Mari Hayati, Rumusan dan Duga Ilmu. *QR Code* juga disertakan untuk memberikan panduan rujukan yang lebih meluas bersesuaian dengan Pembelajaran Abad Ke-21. Elemen intervensi pula antara ciri keunikan buku ini yang mengutamakan cara kerja langkah demi langkah bersesuaian dengan keperluan golongan sasaran.

Diharapkan dengan penghasilan buku ini, MBK dapat mempraktikkan pengetahuan dan meningkatkan keupayaan kendiri dalam menjalani kehidupan seharian. Nilai-nilai murni dalam buku ini merangkumi kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan pula dapat dipupuk secara berterusan dan diharapkan menjadi amalan MBK. Pada akhirnya, konsep moral dapat difahami serta dihayati sekali gus memperkukuh perpaduan dalam diri untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

**Norani binti Abd Rahim**
**Umah a/p Mugundan**

# PENERANGAN IKON BUKU TEKS

Secara keseluruhannya, buku ini disusun mengikut aras kesukaran yang diwakili oleh ikon-ikon yang bermakna. Tujuannya supaya buku ini bersifat mesra murid dan sentiasa menarik perhatian semasa digunakan. Yang berikut ialah penerangan tentang maksud ikon-ikon, iaitu:

| | |
|---|---|
| CETUS MINDA | Memberikan pengetahuan awal kepada murid tentang sesuatu topik yang dipelajari dalam unit berkenaan. |
| TAHUKAH ANDA? | Konsep yang mencungkil pengetahuan sedia ada murid melalui set induksi yang disediakan dalam unit berkenaan. |
| MARI FAHAMI | Mengukuhkan pemahaman dan penguasaan murid tentang topik-topik yang dipelajari dalam unit berkenaan. |
| MARI SELAMI | Menambah maklumat lain untuk pengayaan, pemahaman dan penguasaan murid tentang topik dalam unit berkenaan. |
| MARI HAYATI | Membantu murid memahami perkara yang dipelajari dengan lebih mudah. Halaman ini menerapkan elemen intervensi. |
| RUMUSAN | Ringkasan keseluruhan topik yang dipelajari untuk menjelaskan isi-isi penting dalam unit berkenaan kepada murid. |
| DUGA ILMU | Soalan dalam pelbagai bentuk untuk mengukur kefahaman dan penguasaan murid tentang perkara yang telah dipelajari. |


KPM

# PANDUAN PENGGUNAAN BUKU TEKS

**KBAT**

Soalan beraras tinggi yang sesuai dengan tahap MBK bagi menguji keupayaan berfikir.

Maklumat tambahan dalam bentuk *QR Code*. Maklumat ini boleh diakses melalui gajet semasa.

**NOTA GURU**

1.1.1
1.1.2
1.1.3

Panduan kepada guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas.

**GLOSARI**

Menjelaskan maksud perkataan yang sukar difahami dan tercatat dalam teks pada buku ini.

**RANGSANG MINDA**

Soalan mudah yang merangsang minda murid pada setiap permulaan unit.

**SANTAI MINDA**

Aktiviti pentaksiran dalam pelbagai cara untuk menguji kefahaman murid dalam setiap unit.

**PAK-21**

Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 yang sesuai dengan generasi abad ini bagi mencerna pemikiran murid.

**INFOBESTARI**

Maklumat berkaitan dengan sesuatu perkara yang dipelajari untuk memberikan pengetahuan kepada murid.

**INTERVENSI**

Aktiviti *hands on* untuk merangsang domain kognitif, komunikasi, emosi, tingkah laku, motor kasar dan halus.

# TEMA 1:
## DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN



# UNIT 1

TEMA 1: DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

## KEPEKAAN DIRI TERHADAP AMALAN PELBAGAI AGAMA



Teliti dan fahami situasi dalam gambar yang diberikan.



**Pada unit ini saya akan:**

1.1.1 Menyenaraikan amalan pelbagai agama.
1.1.2 Mengenal pasti amalan mengikut pelbagai agama.
1.1.3 Melaksanakan amalan seharian mengikut kepercayaan agama masing-masing.









(Sumber rujukan: Persatuan Buddhist Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Persekutuan Kristian Malaysia, Majlis Gurdwara Malaysia)

**CADANGAN NILAI**

Kepercayaan kepada Tuhan
Hormat
Bertoleransi
Rasional
Hemah Tinggi
Bertanggungjawab

**RANGSANG MINDA**

Nyatakan amalan agama anda.

**GLOSARI**

**Amalan**: Perbuatan yang biasa dilakukan.

(Sumber: PRPM)

# AGAMA ASAS KESEJAHTERAAN MANUSIA

Fahami butiran maklumat di bawah.



**Nama: Muhammad Nasir bin Sulaiman**
**Agama: Islam**

Contoh amalan agama:
- menunaikan solat fardu lima waktu sehari
- berpuasa pada bulan Ramadan
- mengerjakan solat Jumaat secara berjemaah di masjid



**Nama: Ashmitha a/p Balan**
**Agama: Hindu**

Contoh amalan agama:
- bersembahyang di kuil sekali dalam seminggu dan pada hari-hari perayaan Hindu dengan membawa bunga malai
- memakai *vibuthi* selepas bersembahyang
- duduk dan bertapa seketika selepas bersembahyang





**Nama: Chan Li Qi**
**Agama: Buddha**

Contoh amalan agama:
- menyalakan lilin memohon keberkatan di tokong
- mempersembah bunga teratai yang melambangkan kesucian kepada Buddha
- melakukan meditasi berdasarkan ajaran Buddha

**Nama: Manjit Singh**
**Agama: Sikh**

Contoh amalan agama:
- menunaikan sembahyang 3 waktu dalam sehari (pagi, petang, malam)
- memakai serban dan gelang besi
- membaca kitab suci Guru Granth Sahib Ji





**Nama: Gerald Charles**
**Agama: Kristian**

Contoh amalan agama:
- membaca kitab suci Kristian (Al-Kitab)
- melawat gereja setiap hari minggu untuk upacara sembahyang *mass* atau *service*
- menyembah Tuhan di gereja dengan iringan muzik dan nyanyian

(Sumber rujukan: Persatuan Buddhist Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Persekutuan Kristian Malaysia, Majlis Gurdwara Malaysia)

## SANTAI MINDA

Bagaimanakah cara anda menghormati amalan agama rakan-rakan?

## PAK-21

**Aktiviti Berkumpulan**

1. Wujudkan kumpulan yang terdiri daripada dua orang murid.
2. Ahli dalam kumpulan saling bersoal jawab tentang amalan agama masing-masing.
3. Setelah masa tamat, setiap murid berkongsi hasil soal jawab di hadapan kelas secara bergilir-gilir.

Definisi (PDF)

## NOTA GURU

1.1.1 • Bimbing murid memahami kepentingan mengenali amalan agama orang lain.
1.1.2 • Bimbing murid menghormati amalan agama pelbagai kaum di Malaysia.
1.1.3 • Bimbing murid mengetahui kitab yang digunakan oleh agama lain.
Nilai: Hormat, Bertoleransi, Kepercayaan kepada Tuhan

# AMALAN DIIKUTI, HIDUP DIBERKATI

**Baca dan fahami amalan agama.**

1


- Menziarahi ahli keluarga dan saling bermaafan

2


- Mendapatkan restu ibu bapa untuk kesejahteraan hidup

3


- Menghidangkan makanan secara percuma kepada orang ramai di gurdwara

4


- Memandikan patung Buddha semasa perayaan Hari Wesak

5



- Bertukar-tukar hadiah pada Hari Natal

(Sumber rujukan: Persatuan Buddhist Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Persekutuan Kristian Malaysia, Majlis Gurdwara Malaysia)

**KBAT**

Ramalkan kesan sekiranya anda menghormati amalan agama rakan-rakan.

**NOTA GURU**

1.1.1
1.1.2
1.1.3

- Bimbing murid mengenali amalan pelbagai agama semasa sambutan hari perayaan.
  Nilai: Hormat, Bertanggungjawab, Kasih Sayang



# RAM RAM RIP

**Mari bermain permainan Ram Ram Rip.**



## Panduan Permainan

1. Murid dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada 5 orang.
2. Ketua meluruskan tangan dengan tapak tangan menghadap ke atas.
3. Pemain lain meletakkan hujung jari telunjuk di tengah tapak tangan ketua.
4. Ketua akan menyebut "Ram Ram Rip" berulang kali.
5. Ketua akan cuba menggenggam jari pemain selepas menyebut "Rip".
6. Semua pemain perlu mengelakkan jari ditangkap oleh ketua.
7. Pemain yang tertangkap jarinya akan menjawab soalan pada kad situasi.

**Kad Situasi A**
Rakan-rakan beragama Islam membaca al-Quran pada setiap pagi Jumaat. Bagaimanakah anda boleh menghormati amalan tersebut?

**Kad Situasi B**
Anda dan rakan-rakan sedang menyaksikan perarakan kavadi semasa Thaipusam. Bagaimanakah anda boleh menghormati amalan tersebut?

**Kad Situasi C**
Penganut agama Buddha beratur untuk memandikan patung Buddha sempena sambutan Hari Wesak. Bagaimanakah anda boleh menghormati amalan tersebut?

**Kad Situasi D**
Jiran anda meninggal dunia. Keluarganya mengadakan upacara kematian mengikut agama mereka. Bagaimanakah anda boleh menghormati amalannya?

### NOTA GURU

1.1.1
1.1.2
1.1.3

- Guru mempelbagaikan soalan pada kad situasi.
- Guru membimbing murid menjawab soalan.
  Nilai: Hemah Tinggi, Hormat, Kasih Sayang, Bertanggungjawab, Bertoleransi

# HIASAN KREATIF

**Mari hasilkan hiasan kreatif dan berikannya kepada rakan anda.**

**Sediakan bahan dan peralatan:**

- *mounting board*
- gam
- beras
- pewarna
- mangkuk kecil
- penebuk lubang
- tali
- kertas lukis








1 Ramas beras dengan pewarna dan keringkan.



2 Tulis ucapan dan lakarkan lukisan.



3 Sapu gam pada lakaran lukisan.



4 Tabur butiran beras sehingga siap. Kemudian, tampalkan lukisan pada *mounting board*.



5 Tebuk lubang dan ikat tali pada *mounting board*.




6 Hiasan kreatif yang telah siap.

**SANTAI MINDA**

Mengapakah anda menghadiahkan hiasan kreatif kepada rakan?

## NOTA GURU

1.1.2

- Bimbing murid menyediakan bahan dan melakukan aktiviti.
  Nilai: Bertanggungjawab, Kasih Sayang

# KEPEKAAN DIRI TERHADAP AMALAN PELBAGAI AGAMA



A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

serban | malai | gereja | colok | gurdwara | solat | kavadi | mengaji

1. Gibert membaca kitab suci Kristian (Al-Kitab) di ___________.
2. Azmir menunaikan ___________ lima kali sehari.
3. Ai Peng membakar ___________ ketika bersembahyang.
4. Baljit Singh memakai ___________ sebagai amalan agamanya.
5. Joseph anak Janting senyap ketika rakan-rakannya sedang ___________ al-Quran.
6. Rina Kaur menyertai perarakan Hari Vaisakhi di ___________ .
7. Thilaga membawa bunga ___________ ke kuil untuk dikalungkan kepada patung dewa dan dewi.
8. William dan rakan-rakannya menghormati amalan perarakan ___________ semasa Thaipusam.

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

B. Tandakan [ ✓ ] bagi pernyataan yang betul dan [ X ] bagi pernyataan yang salah.

| Bil. | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|
| 1. | Naveen senyap apabila berada di kuil. | |
| 2. | Saya menghormati amalan agama rakan-rakan. | |
| 3. | Ming Chin berpakaian mencolok mata ketika menghadiri majlis berbuka puasa. | |
| 4. | Saya tidak menghidangkan daging lembu kepada rakan yang beragama Hindu. | |
| 5. | Rakyat dapat hidup dalam suasana harmoni apabila saling menghormati amalan agama lain. | |
| 6. | Vinod tidak mentertawakan tindakan Ong yang membakar colok semasa bersembahyang. | |
| 7. | Saya berasa marah apabila azan dilaungkan di kawasan kejiranan. | |
| 8. | Vincent bertukar-tukar hadiah sesama ahli keluarga semasa perayaan Krismas. | |
| 9. | Alena anak Randi menziarahi jiran yang baru kematian ahli keluarga. | |
| 10. | Pegangan dan amalan agama menjadikan kehidupan lebih sejahtera. | |

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

# UNIT 2

## TEMA 1: DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

# POTENSI DIRI MEMBENTUK KECEMERLANGAN DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

**Baca dan fahami maklumat berikut.**



### Muhammad Haziq bin Samrat

- Penerima Anugerah Tokoh OKU, Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1430 Hijrah (2009).
- Penerima Anugerah Inspirasi, Konvokesyen Kolej Islam Antarabangsa (IIC) kali kesepuluh.

(Sumber: Bernama, 21 Januari 2017)

### Lee Thiam Wah

- Pengasas dan Pengarah Urusan 99 Speedmart Sdn. Bhd.
- Beliau mula berniaga secara serius pada usia 23 tahun.

(Sumber: Laman web *Asia Pacific Entrepreneurship* *https://enterpriseasia.org/apea/malaysia/awards/my-2014/lee-thiam-wah/*)



**Pada unit ini saya akan:**

| | |
|---|---|
| 1.2.1 | Mengenal pasti potensi diri. |
| 1.2.2 | Menghurai potensi diri untuk mencapai kecemerlangan. |
| 1.2.3 | Mengaplikasikan potensi diri untuk mencapai kecemerlangan dalam kehidupan seharian. |
| 1.2.4 | Berusaha meningkatkan potensi diri untuk kecemerlangan. |

## Ayu Malina binti Zainuddin

- Pengadil hoki wanita peringkat antarabangsa pada usia 22 tahun.
- Berpendidikan dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.

(Sumber: International Hockey Federation)





## Elwin Raj a/l P. Raj Vethamuthu

- Pemenang ketiga Pertandingan International Brain Bee Championship (IBBC) 2017 di Washington D.C., Amerika Syarikat.
- Pelajar di SMK Seri Bintang Utara, Kuala Lumpur.

(Sumber: Laman web *http://www.kk.usm.my/index.php/ms/arkib-berita/724-wakil-tunggal-malaysia-brain-bee-challenge-lakar-kemenangan-di-washington*)

### CADANGAN NILAI

Bertanggungjawab
Berdikari
Kerajinan
Keberanian
Patriotisme

### RANGSANG MINDA

Adakah anda ingin berjaya seperti mereka? Nyatakan kelebihan diri anda.

### GLOSARI

**Potensi:**
Kemampuan untuk mencapai kejayaan, menghasilkan atau melakukan sesuatu.

(Sumber: PRPM)

# LONJAKAN POTENSI DIRI

Baca dan fahami maklumat yang diberikan.



## Siapakah saya?

Saya An Najwa binti Azizan. Saya berperanan sebagai penjaring utama dalam pasukan bola jaring negara.



## Latar belakang diri saya

Saya dilahirkan pada 9 Ogos 1997. Saya anak keempat daripada lima orang adik-beradik.

## Mengapakah saya memilih sukan bola jaring?

Ketinggian 179cm menyebabkan saya memilih sukan ini. Kelebihan yang dimiliki memudahkan saya menjaringkan gol dari pelbagai sudut.

## Pendorong penglibatan saya

Ahli keluarga terutama ibu, jurulatih, guru dan rakan sepasukan sering memberikan dorongan kepada saya.

### SANTAI MINDA

1. Apakah perasaan anda setelah membaca kisah An Najwa binti Azizan?
2. Bagaimanakah anda dapat mengembangkan potensi yang ada pada diri?

### NOTA GURU

1.2.1
1.2.2
1.2.3
1.2.4

- Bimbing murid mengenali potensi diri An Najwa melalui teks dan daripada pelbagai sumber lain.
- Bimbing murid memberikan peneguhan pada jawapan yang dinyatakan.

Nilai: Bertanggungjawab, Berdikari, Kerajinan, Keberanian, Patriotisme









**Pencapaian saya**

Saya telah dipilih sebagai Pemain Paling Bernilai dalam Kejohanan Bola Jaring Asia pada tahun 2016. Kini, saya bermain dengan kelab antarabangsa di luar negara.

Bola Jaring (Video)

(Ihsan: Astro Arena)

**Faktor kejayaan saya**

Minat yang mendalam menjadi faktor kejayaan saya. Sebagai persediaan Sukan Sea KL 2017, saya giat berlatih selama 18 bulan. Selain itu, disiplin yang tinggi dan fokus ketika menjaringkan gol juga merupakan faktor kejayaan saya.

**Harapan saya pada masa hadapan**

Saya mahu mengharumkan nama negara dalam Kejohanan Bola Jaring Dunia. Saya juga berharap agar dapat menjadi inspirasi kepada semua pihak untuk berjaya dalam kehidupan.

(Sumber: *Harian Metro*, 3 Disember 2016)

## INSPIRASI BUAT RAKAN

Baca dan fahami buletin berikut.

# BULETIN INSPIRASI

**JANUARI** **TERBITAN PERCUMA**

UTAMA

**Asyraf bantu Ammar bawa ciptaan inovasi ke Geneva**

Pengalaman tiga tahun dalam inovasi lonjak kecemerlangan Asyraf Hilmi bin Khairil dan Muhammad Ammar Ibrahim bin Istar mencipta kejayaan sehingga ke peringkat antarabangsa.

INFOGRAFIK

***Tenpin Bowling Marker* khusus untuk OKU masalah penglihatan**

Boling Tenpin untuk Orang Kurang Upaya (OKU) yang mempunyai masalah penglihatan banyak membantu golongan ini bermain boling dengan baik.



Asyraf Hilmi bin Khairil

"Saya suka mencipta sesuatu yang baharu. Inilah bakat dan kekuatan saya yang diasah melalui pendidikan dan latihan berterusan."

Inovasi pertama saya dihasilkan pada tahun 2014, iaitu *Book Holder* yang mendapat Anugerah Perak. Pada tahun 2015, saya mencipta *Finger Book Holder* dan mendapat Anugerah Emas di peringkat Institut Pendidikan Guru Malaysia dan di peringkat kebangsaan.

Pada tahun 2016, saya membantu rakan OKU, Muhammad Ammar Ibrahim bin Istar mencipta *Tenpin Bowling Marker* yang memenangi Anugerah Emas dalam *Malaysia Technology Expo*.

UNIT 2

### NOTA GURU

1.2.1
1.2.2
1.2.3
1.2.4

- Bimbing murid memahami maksud inovasi.
- Bimbing murid menyatakan impian yang ingin dicapai oleh mereka.

Nilai: Bertanggungjawab, Berdikari, Kerajinan, Keberanian

Pencapaian inovasi Asyraf Hilmi bin Khairil dan Muhammad Ammar Ibrahim bin Istar mendapat perhatian pelbagai akhbar di dalam dan di luar negara.

(Sumber: *Le Dauphiné libéré*, Geneva, 26 April 2016)



Jouer au bowling quand on est aveugle…

Jouer au bowling en étant aveugle ? Ces étudiants de Malaisie ont décidé de surmonter le handicap pour permettre à l'un d'eux, privé de la vue, de pouvoir quand même de pratiquer l'activité favorite du Dude dans "The Big Lebowski". Des repères pour les pieds qui permettent de lancer la boule droit, et une tablette qui représente les quilles tombées… Le dispositif est on ne peut plus simple, mais efficace !

Photo Le DL/Greg YETCHMENIZA



# Pelajar buta pertama kita ketengah inovasi set boling

*» Alat ciptaan warga IPGKIK dalam IEIG buka mata masyarakat dunia*

**Oleh Rosniza Mohd Taha**
yoniza@bh.com.my

Kuala Lumpur

Muhammad Ammar Ibrahim Istar, menjadi pelajar cacat penglihatan pertama mewakili negara ke Pameran Antarabangsa Reka Cipta di Geneva, Switzerland (IEIG), menerusi inovasi set alat bantu bermain boling bagi orang buta.

Set Tenpin Boling Marker dihasilkan pelajar Institut Perguruan Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) itu mampu membantu pemain meningkatkan ketepatan balingan dan mengelak kesilapan memijak garisan batal ketika melakukan balingan.

Set berciri mudah alih itu mempunyai dua komponen, iaitu palang pemegang dibuat daripada batang paip PVC yang boleh dipasang sendiri golongan istimewa itu dalam tempoh enam hingga tujuh minit serta model papan tanda pin boling.

Muhammad Ammar berkata, palang pemegang direka berbentuk huruf 'L' bagi membantu pemain bergerak ke hujung palang dengan posisi tangan menghala ke arah sasaran serta memastikan kaki tidak menyentuh palang yang diletak pada garisan batal.

Katanya, baki pin boling yang tidak berjaya dijatuhkan akan dapat dikesan pemain melalui model papan tanda boling iaitu buah catur yang disusun atas papan catur dengan bantuan individu celik.

"Hasrat saya mengetengahkan alat ini bagi menggalakkan lebih ramai golongan senasib menceburi sukan boling sebagai aktiviti riadah sudah tercapai terutama apabila terpilih mewakili negara ke IEIG yang bermula lusa (esok) hingga Ahad ini.

**Dapat pendedahan luas**

"Saya berharap pendedahan lebih meluas ini akan membantu usaha pengkomersialan dan diterima di seluruh dunia untuk kegunaan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), aktiviti riadah mahupun pemain profesional.

"Tiada banyak penambahbaikan dilakukan sebagai persediaan ke Geneva, cukup sekadar menambah kekemasan alat dihasilkan menggunakan batang paip PVC berwarna hitam," katanya yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan.

Inovasi itu dihasilkannya dengan bantuan dua pelajar IPGKK, Asyraf Hilmi Kharil dan Prichard Nelson Patrick menerusi bimbingan pensyarah Jabatan Sains Sukan IPGKK, Jamaliyah Ahmad.

Sementara itu, Pengarah IPGKIK, Roziah Abdullah, berkata IPGKIK mencatat sejarah sebagai IPG pertama dalam kalangan 27 IPG seluruh negara yang menyertai IEIG menerusi inovasi Set Tenpin Boling Marker dan Waco Pen.

Waco Pen adalah berus batik canting dengan ciri tiga dalam satu iaitu turut disertakan dengan bahan pewarna dan air, sekali gus menjadikannya lebih mudah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat memastikan kekemasan karya dihasilkan.

Katanya, penyertaan dalam pameran reka cipta antarabangsa berprestij itu berikutan kemenangan pingat emas dan hadiah khas juri bagi dua produk itu dalam Ekspo Teknologi Malaysia Februari lalu.

IPGKIK mendapat sokongan Bank Simpanan Nasional untuk bertanding di Geneva menerusi tajaan bernilai RM74,000 meliputi yuran pendaftaran inovasi, paten, cetakan brosur dan poster, sewa tapak dan peralatan pameran serta pengangkutan.

"Saya optimis kedua-dua inovasi diketengahkan warga IPGKIK dalam IEIG akan membuka mata masyarakat dunia mengenai kemampuan rakyat kita menghasilkan inovasi," katanya.

***Muhammad Ammar (tengah) bersama Asyraf (kiri) dan Patrick menunjukkan cara membaling bola boling*** *menggunakan alat pandu rel tenpin boling untuk orang cacat penglihatan.* (FOTO SADDAM YUSOFF/BH)

(Sumber: *Berita Harian*, 12 April 2016)




Muhammad Ammar Ibrahim bin Istar mendapat Anugerah Perak dalam Pameran Reka Cipta Antarabangsa di Geneva pada tahun 2016.

**SANTAI MINDA**

Ceritakan potensi diri anda dalam membantu rakan.

**GLOSARI**

**Inovasi:** Sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat, dan lain-lain yang baharu.

(Sumber: PRPM)

*Tenpin Bowling Marker* (*Facebook*)

# MINAT MEMBAWA REZEKI

**Baca dan hayati cerita di bawah.**



Flora ialah anak muda yang berbakat dalam pembuatan kek cawan. Dia selalu menghasilkan pelbagai resipi kek cawan yang baharu.



Kek cawan yang dibuat oleh Flora mula mendapat perhatian keluarga. Untuk menjadi lebih mahir, Flora mengikuti kelas masakan membuat kek cawan pada hujung minggu.



Setelah itu, timbul minat dalam dirinya untuk berniaga. Flora mula membuka tempahan melalui laman sosialnya. Tidak disangka, kek cawannya mendapat sambutan orang ramai.



Hasil daripada minat, akhirnya bertukar menjadi kerjaya. Keuntungan jualan yang diperoleh telah membantu ekonomi keluarganya. Kini, adiknya juga mengikuti jejak langkah Flora.



## NOTA GURU

1.2.1
1.2.2
1.2.3
1.2.4

- Bimbing murid memahami cerita potensi diri Flora.
- Bimbing murid meramalkan impian yang ingin dicapai dalam borang di sebelah.
  Nilai: Bertanggungjawab, Berdikari, Kerajinan, Keberanian

# LAKARAN KEJAYAAN SAYA

**Setelah membaca kisah Flora, kenal pasti potensi diri dan lakarkan kejayaan anda.**

| | Potensi Diri Saya | 3 Tahun akan Datang | Impian Akhir | Kesan kepada Keluarga |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Contoh; Membuat kek cawan | Saya belajar teknik membuat kek cawan daripada pakar. | Saya boleh menjual kek cawan secara dalam talian. | Saya boleh membantu ekonomi keluarga. |
| 2 | Contoh; Melukis | Saya belajar melukis daripada pakar. | Saya boleh menjual lukisan karya sendiri. | Keluarga percaya saya boleh berdikari. |
| 3 | Bersukan | ____________ | ____________ | ____________ |
| 4 | ____________ | ____________ | ____________ | ____________ |



## NOTA GURU

1.2.1
1.2.2
1.2.3
1.2.4

- Bimbing murid mengenal pasti potensi diri.
- Bimbing murid meramalkan impian yang ingin dicapai dalam borang di atas.

Nilai: Bertanggungjawab, Berdikari, Kerajinan, Keberanian

# MENCARI PERKATAAN TERSEMBUNYI

Cari perkataan yang menunjukkan potensi diri dalam gambar.




Tulis jawapan pada ruang yang disediakan di bawah.

1. 
2. 
3. 
4. 
5. 
6. 



## NOTA GURU

1.2.2
1.2.3
1.2.4

- Bimbing murid mencari perkataan yang menunjukkan potensi diri dalam gambar.
  Nilai: Bertanggungjawab, Berdikari, Kerajinan, Keberanian

# POTENSI DIRI MEMBENTUK KECEMERLANGAN DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

## Contoh Potensi Diri

- Menyanyi
- Memasak
- Melukis
- Bersukan

## Cara Mengenal Potensi Diri

- Minat yang mendalam
- Sokongan keluarga dan rakan-rakan
- Pujian orang ramai

## Cara Meningkatkan Potensi Diri

- Memupuk minat dalam diri
- Meningkatkan keazaman
- Berusaha dengan bersungguh-sungguh

## Aplikasikan Potensi Diri

- Menyertai pertandingan
- Mempamerkan bakat
- Mencipta sesuatu yang menarik

# REFLEKSI DIRI

## A. Tandakan [ ✓ ] jika anda melakukan perkara berikut.

1. Saya membaca buku-buku yang berkaitan dengan minat.
2. Saya memupuk potensi diri, ahli keluarga serta rakan-rakan.
3. Saya bersedia menerima pandangan daripada rakan-rakan.
4. Saya membantu rakan-rakan yang lemah mencipta kejayaan.
5. Saya mengetahui dan mengenali minat serta potensi diri sendiri.
6. Saya berdoa kepada Tuhan untuk mencapai kecemerlangan diri.
7. Saya berbincang dengan ibu bapa untuk meningkatkan potensi diri.
8. Saya berazam mencapai perkara yang diingini pada masa hadapan.

**Jumlah skor**

### Panduan Penilaian Skor Diri Anda

| | | |
|---|---|---|
| • Anda perlulah berusaha meningkatkan potensi diri. Usah berputus asa untuk berjaya. | • Anda sedang berusaha meningkatkan potensi diri. Teruskan berusaha untuk berjaya. | • Syabas! Anda individu yang sentiasa berusaha meningkatkan potensi diri untuk berjaya. |
| **0 - 2** | **3 - 5** | **6 - 8** |

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

B. Tulis perlakuan **POSITIF** atau **NEGATIF** pada ruang jawapan.

1



Cikgu, saya suka melukis potret.

2



Saya serik menyertai ujian kelayakan pemilihan wakil sekolah lagi kerana selalu gagal.

3



Ibu, lihatlah! Saya sudah pandai menyarungkan cadar pada tilam. Kemaskah katil ini?

4



Kita yang fasih berbahasa Inggeris boleh membantu kawan-kawan yang lemah.



*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

UNIT 3

TEMA 1: DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

# KEHARMONIAN HIDUP BERSAMA DALAM KELUARGA



**Teliti situasi dalam gambar di bawah.**



**Pada unit ini saya akan:**

1.3.1 Menghuraikan tanggungjawab ahli keluarga.
1.3.2 Membanding beza dan merumus tanggungjawab ahli keluarga.
1.3.3 Memberi cadangan untuk mengeratkan hubungan antara ahli keluarga.
1.3.4 Melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga.









## CADANGAN NILAI

- Baik Hati
- Hemah Tinggi
- Hormat
- Harga Diri
- Kasih Sayang
- Berterima Kasih
- Bertanggungjawab

## RANGSANG MINDA

Apakah perasaan anda apabila melihat keharmonian keluarga dalam gambar?

## GLOSARI

**Harmoni:**
Keadaan mesra dan bahagia.

(Sumber: PRPM)

# TANGGUNGJAWAB DIJAGA, KELUARGA SEMPURNA

**Baca dan fahami cerita berikut.**



Ini keluarga saya. Nama ayah saya David anak Saimin. Ayah saya mencari nafkah untuk menjaga kami. Nama ibu saya Jasmine anak James. Ayah dan ibu sentiasa memberikan kasih sayang dan didikan yang sempurna kepada kami dua beradik.



Adik saya bernama Adrian. Saya selalu membantunya dalam pelajaran. Saya suka bermain dengannya. Kami sekeluarga hormat-menghormati antara satu sama lain. Kami juga sering berkongsi suka dan duka.



Saya menyayangi ayah, ibu dan adik saya. Saya sentiasa menjaga dan mengambil berat tentang mereka. Di samping itu, saya juga sering mendoakan kesejahteraan dan kesihatan mereka.



## GLOSARI

**Tanggungjawab:** Sesuatu kerja, tugas yang mesti dilakukan.

(Sumber: PRPM)

## SANTAI MINDA

1. Ceritakan cara kamu melaksanakan tanggungjawab terhadap ahli keluarga.
2. Apakah perasaan kamu setelah melakukan tanggungjawab terhadap ahli keluarga?

## NOTA GURU

1.3.1
1.3.2
1.3.3
1.3.4

- Bimbing murid memahami kepentingan melaksanakan tanggungjawab terhadap ahli keluarga.

Nilai: Kasih Sayang, Hormat, Hemah Tinggi, Baik Hati, Bertanggungjawab

# KELUARGA MUAFAKAT, HUBUNGAN ERAT

**Fahami situasi dalam gambar di bawah.**

1 Terima kasih atas tunjuk ajar, ayah.



2 Masakan ibu sentiasa sedap.



3 Abang sedang membaca buku. Saya patut memperlahankan bunyi televisyen.



4 Terima kasih, cucu.





**KBAT**

Apakah kesan sekiranya ahli keluarga hidup dalam suasana harmoni?

## NOTA GURU

1.3.1
1.3.2
1.3.3
1.3.4

- Bimbing murid memahami tanggungjawab dalam mewujudkan dan mengekalkan keluarga bahagia.
  Nilai: Hormat, Bertanggungjawab, Hemah Tinggi, Harga Diri, Berterima Kasih, Baik Hati, Kasih Sayang

# KELUARGA HARMONI

Fahami situasi dalam gambar berikut.






## SANTAI MINDA

1. Apakah kebaikan bekerjasama antara ahli keluarga?
2. Ceritakan cara anda menunjukkan kasih sayang terhadap ahli keluarga.

## PAK-21

**Fikir dan Kongsi**

1. Guru menyoal murid contoh aktiviti harian bersama-sama ahli keluarga.
2. Setiap murid diberi masa untuk berfikir dan berbincang tentang jawapan dengan pasangan.
3. Murid berkongsi hasil jawapan dengan murid yang lain di hadapan kelas.

## NOTA GURU

1.3.3
1.3.4

- Bimbing murid memahami kepentingan bekerjasama antara ahli keluarga.
  Nilai: Hormat, Bertanggungjawab, Hemah Tinggi, Harga Diri, Berterima Kasih, Baik Hati, Kasih Sayang

# HARGAILAH KELUARGA KITA

**Teliti situasi dan nyatakan cara mengeratkan hubungan kekeluargaan.**



Memberikan hadiah kepada ibu





**Cara Mengeratkan Hubungan Kekeluargaan**







## NOTA GURU

1.3.1
1.3.2
1.3.3
1.3.4

- Bimbing murid membincangkan tanggungjawab mereka dalam keluarga.
  Nilai: Hormat, Bertanggungjawab, Hemah Tinggi, Harga Diri, Baik Hati, Kasih Sayang

# ROTI TELUR HARMONI

Gayatri amat menyayangi ahli keluarganya. Dia telah menyediakan roti telur untuk minum petang sebagai tanda kasih sayang kepada mereka. Mari kita ikuti caranya membuat Roti Telur Harmoni untuk ahli keluarga.



## Langkah 1



Sediakan bahan dan peralatan:
- roti
- telur
- garam
- dua sudu minyak masak
- serbuk lada sulah
- sarung tangan plastik
- sudu

## Langkah 2



Potong roti mengikut kreativiti.

## Langkah 3



Pecahkan telur, masukkan garam dan lada sulah. Kacau bahan sehingga sebati.

## Langkah 4



Masukkan sedikit minyak masak ke dalam kuali. Kemudian, panaskan kuali.

**Langkah 5**



Celup roti ke dalam telur.

**Langkah 6**



Goreng roti sehingga kuning keemasan.






## KBAT

Cadangkan cara lain yang boleh anda lakukan untuk membalas jasa ibu bapa.

## NOTA GURU

1.3.1
1.3.2
1.3.3
1.3.4

- Bimbing murid menyediakan bahan dan melaksanakan aktiviti.
- Bimbing murid dari aspek keselamatan dan kebersihan.

Nilai: Hormat, Bertanggungjawab, Hemah Tinggi, Berterima Kasih, Baik Hati, Kasih Sayang

# KEHARMONIAN HIDUP BERSAMA DALAM KELUARGA

## Tanggungjawab Ibu Bapa terhadap Keluarga

- Memberikan perlindungan dan menjaga keselamatan ahli keluarga
- Memberikan kasih sayang sepenuhnya kepada anak
- Memberikan pendidikan dan didikan agama yang secukupnya
- Memberikan nafkah untuk keluarga

## Tanggungjawab Anak-anak terhadap Keluarga

- Patuh, taat dan hormat terhadap ahli keluarga
- Menjaga maruah diri
- Saling menyayangi dan membantu dalam keluarga
- Mendoakan kesejahteraan keluarga

**Berikan jawapan berdasarkan situasi.**

| Situasi | Soalan | Jawapan |
| --- | --- | --- |
| 1  | Senaraikan tugas yang harus dilakukan bersama-sama ahli keluarga. | • Menyapu sampah<br>• ______________________<br>• ______________________ |
| 2  | Berikan cara lain untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan. | • Bercakap sopan dengan ahli keluarga<br>• ______________________<br>• ______________________ |
| 3  | Apakah tanggungjawab mereka sebagai ahli keluarga? | Ibu:<br>• Memberikan kasih sayang<br>• ______________________<br>Anak:<br>• Menghormati ahli keluarga<br>• ______________________ |
| 4  | Apakah yang harus anda lakukan? | • Menjaga adik<br>• ______________________<br>• ______________________ |

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

# UNIT 4

## TEMA 1: DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN
## MENGHARGAI PERSAHABATAN

**Teliti situasi dalam gambar berikut.**









**Pada unit ini saya akan:**

1.4.1 Menyatakan adab dalam persahabatan.
1.4.2 Membanding beza perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan.
1.4.3 Menilai batas-batas dalam persahabatan.
1.4.4 Menerangkan kepentingan perlakuan beradab dalam persahabatan.
1.4.5 Mengamalkan perlakuan beradab dalam hubungan dengan rakan.





## CADANGAN NILAI

Berterima Kasih
Bertanggungjawab
Kasih Sayang
Berdikari
Hemah Tinggi
Kerajinan
Kejujuran

## RANGSANG MINDA

Siapakah sahabat baik anda? Ceritakan perihal tentang sahabat baik anda.

## GLOSARI

**Menghargai:** Memuliakan, menghormati, atau menganggap penting.

**Persahabatan:** Hal atau perbuatan bersahabat.

(Sumber: PRPM)

# SAHABAT SUKA DAN DUKA

**Hayati kisah benar persahabatan antara Lee Yung Sen dengan Low Hong Ping melalui perbualan dalam aplikasi mesej.**

Back

Lee Yung Sen
*Active now*

1995



1997



Yung Sen, terima kasih kerana memberikan gambar persahabatan kita. Saya sangat terharu.

Sama-sama Hong Ping. Saya bangga mempunyai sahabat yang berbudi bahasa seperti awak. Awak tidak pernah menyinggung perasaan saya.

Tidak mungkin saya biadab kepada rakan yang selalu membantu saya. Awak tidak pernah mengabaikan saya sewaktu di sekolah dahulu.

Itu tanggungjawab saya sebagai seorang sahabat.

*Type a message...*

Aa GIF

< Back    Lee Yung Sen
Active now

Saya tidak boleh berterusan menyusahkan awak, Yung Sen. Awak juga perlu berkawan dengan orang lain.

Jangan risau Hong Ping. Saya gembira membantu awak. Kini, kita telah bekerja. Saya harap kita akan terus bersahabat baik.

Ya, saya sangat menghargai persahabatan kita yang jujur dan ikhlas ini. Saya memerlukan sahabat seperti awak yang boleh menceriakan hidup saya.

Type a message...

Aa    GIF




(Gambar ihsan: Lee Yung Sen dan Low Hong Ping)

## SANTAI MINDA

Ceritakan perasaan anda apabila membaca kisah persahabatan Lee Yung Sen dan Low Hong Ping. Berikan alasan anda.

## KBAT

Cadangkan cara lain untuk mengeratkan sesebuah persahabatan.

## NOTA GURU

1.4.1
1.4.2
1.4.3
1.4.4
1.4.5

- Bimbing murid menghayati kisah persahabatan Lee Yung Sen dan Low Hong Ping.
- Bimbing murid menyatakan adab persahabatan yang boleh dicontohi.

Nilai: Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Berdikari, Kerajinan, Hemah Tinggi, Kejujuran, Kasih Sayang

# WARNA-WARNI SAHABAT

**Baca dan fahami dialog. Kemudian, lengkapkan dialog tersebut dengan tindakan yang beradab.**

## Situasi Persahabatan A

1 Vimala, ini majalah Tunas Cipta yang awak minta saya carikan.

2 Terima kasih Yanika kerana berusaha mencarikannya untuk saya.

3 Sama-sama. Maafkan saya kerana lewat mencarikannya untuk awak.

4 ____?____



### SANTAI MINDA

Berdasarkan situasi dalam gambar A dan B, kenal pasti perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan.

## Situasi Persahabatan B

1 Lina, saya tahu banyak kelemahan Julia. Saya boleh beritahu segala-galanya.

2 Tidak baik awak berkata begitu. Kita perlu ___?___

3 Maafkan saya Lina. Saya berjanji tidak akan bersangka buruk terhadap kawan kita lagi.





### PAK-21

**Keutamaan Nilai Murni**

1. Senaraikan nilai murni yang perlu diamalkan berdasarkan situasi dalam gambar.
2. Pilih nilai murni tersebut mengikut keutamaan.
3. Bentangkan nilai murni tersebut di depan kelas.

### NOTA GURU

1.4.1
1.4.2
1.4.3
1.4.4
1.4.5

- Bimbing murid mengenal pasti situasi perlakuan persahabatan.
- Bimbing murid menjawab dialog tindakan yang beradab.

Nilai: Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Hemah Tinggi, Kasih Sayang

# GURINDAM ADAB

**Lafazkan gurindam di bawah.**

## Gurindam Azimat buat Sahabat

Jika kita santun beradab,
Akhlak terpuji tidak biadab.

Jika kita berhati murni,
Suasana nan keruh pasti harmoni.

Jika kita menghargai sahabat,
Hubungan pasti bertambah erat.

Jika kita sabar dan tenang,
Rakan taulan berasa senang.

Bila bergurau jaga batasan,
Takut sahabat rasa terkilan.

Dengar pesanku duhai sahabat,
Nasihat tulus jadikan azimat.

Ciptaan: Norani Abd Rahim

### SANTAI MINDA

**Lengkapkan gurindam dengan maksud yang betul.**

- Sahabat tidak terasa beban.
- Alamat hubungan penuh pancaroba.
- Kelak sahabat terus bersatu.
- Prinsip persahabatan jadi pegangan.

a. Jika kita sering membantu,
______________________

b. Jika kita rela berkorban,
______________________

c. Jika kita mengadu domba,
______________________

d. Jika peradaban bukanlah angan,
______________________

### GLOSARI

**Gurindam**: Sajak dua baris yang berisi nasihat atau pengajaran.

(Sumber: PRPM)

Gurindam (Audio)

## NOTA GURU

1.4.1
1.4.2
1.4.3
1.4.4
1.4.5

- Bimbing murid mengenal pasti nilai yang terkandung dalam gurindam.
- Bimbing murid melengkapkan gurindam dengan betul.

Nilai: Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Kerajinan, Hemah Tinggi, Kejujuran, Kasih Sayang

# SEJAMBAK BUNGA UNTUK SAHABAT

**Mari menggubah sejambak bunga untuk dihadiahkan kepada sahabat baik anda.**



Sediakan bahan dan peralatan:
- gunting
- bunga
- reben
- gelang getah

1

Susun dan gubah bunga mengikut kreativiti.



2

Ikat gelang getah pada batang bunga.

3

Potong reben mengikut panjang yang sesuai.

4

Ikat reben pada batang bunga sehingga ketat.

5

Sejambak bunga untuk diberikan kepada sahabat.

**SANTAI MINDA**

Nyatakan kepentingan menghargai sahabat.

## NOTA GURU

1.4.1
1.4.2
1.4.3
1.4.4
1.4.5

- Bimbing murid menggunakan gunting dengan cara yang selamat.
- Bimbing murid menghasilkan sejambak bunga yang cantik dan kreatif.
  Nilai: Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Kasih Sayang

# MENGHARGAI PERSAHABATAN

## 1. CONTOH ADAB DALAM PERSAHABATAN

- Menghargai budi baik sahabat
- Menjaga rahsia peribadi sahabat
- Menjaga tutur kata dan perlakuan yang sopan



## 2. KEPENTINGAN BERADAB DALAM PERSAHABATAN

- Mengekalkan hubungan persahabatan
- Mewujudkan suasana harmoni
- Memupuk perasaan menghormati sahabat

## 3. BATAS DALAM PERSAHABATAN

- Tidak mengambil kesempatan terhadap kebaikan sahabat
- Tidak bergurau berlebih-lebihan
- Menghormati hak sahabat

**A. Tulis tiga adab yang sering anda amalkan terhadap rakan berdasarkan pilihan jawapan.**

Berterima kasih kerana selalu membantu

Meninggalkan sahabat sewaktu susah

Bertutur dengan cara yang sopan

Menggembirakan hati sahabat

1. ______________________

2. ______________________

3. ______________________



**B. Lengkapkan perbezaan perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan di bawah.**

| Bil. | Perlakuan beradab | Perlakuan tidak beradab |
|---|---|---|
| 1 | Bersahabat dengan seseorang pada waktu susah dan senang | Bersahabat dengan seseorang pada waktu senang sahaja |
| 2 | Memperkenalkan sahabat kepada ahli keluarga | |
| 3 | Menyokong minat sahabat | |

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

**C. Tandakan [ ✓ ] pada tindakan yang betul dan [ X ] pada tindakan yang tidak betul.**

1. Amir selalu mengambil kesempatan terhadap kebaikan sahabatnya, Bernard.
2. Rosmidah menghormati keputusan Darina untuk tidak mengikuti lawatan sekolah bersama-sama.
3. Hui Chun melupakan budi baik Rajesh yang pernah meminjamkan wang semasa dia memerlukannya.
4. Jagjeet Kaur menjaga tutur kata ketika bergurau dengan Adilah walaupun mereka sahabat karib.



**D. Warnakan buku yang menunjukkan kepentingan perlakuan beradab dalam persahabatan.**

1. Mewujudkan suasana harmoni
2. Persahabatan berpanjangan
3. Memupuk perasaan menghormati rakan
4. Berpeluang membuka aib rakan

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

# TEMA 2:

## HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT







# UNIT 5

## TEMA 2 : HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

# HIDUP BERMASYARAKAT



Lihat dan fahami situasi dalam gambar.



**Pada unit ini saya akan:**

2.1.1 Mengenal pasti komuniti dan organisasi sosial setempat.
2.1.2 Menerangkan tanggungjawab diri sebagai anggota masyarakat.
2.1.3 Menjelaskan kesan menunaikan tanggungjawab terhadap masyarakat.
2.1.4 Memberi cadangan untuk memberi sumbangan kepada masyarakat.
2.1.5 Melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat.



## CADANGAN NILAI

Berdikari
Bertanggungjawab
Kerjasama
Bertoleransi
Rasional
Kerajinan
Kasih Sayang

## RANGSANG MINDA

Ceritakan pengalaman anda melibatkan diri dalam kehidupan bermasyarakat.

## GLOSARI

**Masyarakat:**
Sekumpulan orang yang hidup bersama di suatu tempat dengan cara-cara dan peraturan-peraturan tertentu.

(Sumber: PRPM)

# PROJEK LAWATAN AMAL

**Lihat dan fahami situasi dalam tayangan slaid di bawah.**

Kelab Rakan Istimewa SMK Tunku Ampuan Durah telah mengadakan lawatan amal ke pusat penjagaan orang-orang tua. Yang berikut ialah pembentangan laporan projek mereka:

1

**PROJEK LAWATAN AMAL KE PUSAT PENJAGAAN ORANG-ORANG TUA**

Anjuran: Kelab Rakan Istimewa
Tarikh: 24 Mei _____
Masa: 8:00 pagi - 1:00 tengah hari

2



Melatih peserta untuk bekerjasama dalam komuniti setempat.

3



Membuat persembahan untuk menggembirakan warga tua.

4



Melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap komuniti sekitar.

5



Menanam rasa cinta terhadap alam untuk kesejahteraan komuniti.

6



Menerapkan perasaan simpati dan kasih sayang terhadap komuniti yang kurang bernasib baik.

7




Peserta berasa bangga dapat menjalankan tanggungjawab diri sebagai anggota komuniti.

8

**KOMUNITI SEKITAR DISAYANGI, HIDUP BERMASYARAKAT BERTAMBAH HARMONI**

TERIMA KASIH

(Gambar ihsan: SMK Tunku Ampuan Durah, Seremban)



**KBAT**

Mengapakah aktiviti seperti di atas perlu diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat?

**NOTA GURU**

2.1.1
2.1.2
2.1.3
2.1.4
2.1.5

- Bimbing murid untuk mengenali organisasi sosial di tempat sendiri.
- Bimbing murid membuat refleksi kendiri apabila melaksanakan tanggungjawab dalam masyarakat.
  Nilai: Kerjasama, Rasional, Bertanggungjawab, Kasih Sayang, Berdikari

# KERJASAMA MEMBAWA BERKAT

**Lihat dan fahami perbualan.**






## SANTAI MINDA

Rancangkan aktiviti yang boleh dijalankan pada hari kempen tersebut.

| Lokasi | Aktiviti | Kesan |
|---|---|---|
| Kawasan pembuangan sampah | | |
| Kawasan medan selera | | |

## NOTA GURU

2.1.2
2.1.3
2.1.4
2.1.5

- Bimbing murid merumuskan kepentingan melaksanakan tanggungjawab diri dalam aktiviti komuniti.
  Nilai: Bertanggungjawab, Kerajinan, Rasional, Berdikari, Kerjasama

# TANGGUNGJAWAB DIPIKUL, TUGASAN SEMPURNA

**Jawab soalan di bawah.**

## SITUASI A



Anda sedang melalui perhentian bas di taman perumahan anda. Keadaan persekitaran di situ kotor. Apakah yang boleh anda lakukan?

**Tindakan**
- Melaporkan keadaan tersebut kepada jawatankuasa perumahan
- ______________________

**Kesan**
- Sampah dibersihkan
- ______________________

## SITUASI B



Jawatankuasa komuniti di tempat tinggal anda membuat persiapan sambutan Hari Malaysia. Apakah tanggungjawab anda untuk menjayakan projek tersebut?

**Tindakan**
- ______________________
- ______________________

**Kesan**
- ______________________
- ______________________



## NOTA GURU

2.1.2
2.1.3
2.1.4
2.1.5

- Bimbing murid untuk menjawab soalan.
- Bimbing murid mengetahui kepentingan nilai bertanggungjawab dalam hidup bermasyarakat.
  Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Baik Hati, Kerjasama, Berdikari

# MASYARAKAT PRIHATIN

Mari bermain.








## Panduan Permainan

1. Aktiviti ini boleh dimainkan oleh dua orang murid atau lebih.
2. Lontarkan dadu dan gerakkan penanda mengikut nombor dadu.
3. Pemain akan maju ke atas jika berada di petak sikap bertanggungjawab kepada komuniti.
4. Pemain akan mundur ke bawah jika berada di petak sikap tidak bertanggungjawab.
5. Pemain yang pertama sampai di petak tamat ialah pemenang.



**NOTA GURU**

2.1.2
2.1.4
2.1.5

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Berikan peneguhan terhadap jawapan murid.

Nilai: Rasional, Bertanggungjawab, Kasih Sayang, Berdikari

# HIDUP BERMASYARAKAT

1. **Mengenal komuniti setempat**
   - Majlis daerah
   - Jawatankuasa perumahan
2. **Melaksanakan tanggungjawab diri dalam komuniti**
   - Kerja amal
   - Gotong-royong
3. **Cara-cara membantu meningkatkan kesejahteraan dalam komuniti**
   - Mengutip derma
   - Menghulurkan bantuan
4. **Kesan menunaikan tanggungjawab dalam komuniti**
   - Mewujudkan masyarakat penyayang
   - Melahirkan masyarakat prihatin

Isi teka silang kata dengan perkataan yang betul.




**Melintang**

1. Saya membantu ________ setempat mengikut kemampuan diri.
2. Kita harus memberikan bantuan dan ________ moral kepada masyarakat secara ikhlas.
3. Saya melaksanakan ________ dengan melibatkan diri dalam aktiviti komuniti.
4. Kita berasa ________ apabila membantu masyarakat setempat.

**Menegak**

5. Saya menjadi lebih ________ setelah terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan.
6. Masyarakat yang ________ lahir daripada anggota masyarakat yang saling memahami dan membantu.
7. Aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan secara bersama-sama boleh memupuk ________ .

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

# UNIT 6

## TEMA 2: HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

# KEMUDAHAN AWAM UNTUK SEMUA



**Teliti gambar kemudahan awam di bawah.**






**Pada unit ini saya akan:**

- **2.2.1** Mengenal pasti contoh kemudahan awam.
- **2.2.2** Memerihal kegunaan dan kepentingan kemudahan awam.
- **2.2.3** Menjelaskan cara menggunakan kemudahan awam dengan betul.
- **2.2.4** Menjaga kemudahan awam.





**CADANGAN NILAI**

Bertanggungjawab
Hemah Tinggi
Kerjasama
Berterima Kasih
Rasional

**RANGSANG MINDA**

Ceritakan pengalaman anda menggunakan kemudahan awam.

**GLOSARI**

**Kemudahan awam:** Perkhidmatan dan infrastruktur yang disediakan oleh pihak berkuasa atau kerajaan untuk keperluan orang ramai.

(Sumber: PRPM)

# KENALI KEMUDAHAN AWAM

Mari kenali kemudahan awam.

**KEMUDAHAN AWAM**

- **KEMUDAHAN SUKAN DAN REKREASI**



Taman rekreasi



Kolam renang awam

- **KEMUDAHAN PERKHIDMATAN**




Klinik kesihatan




Pejabat pos

- **KEMUDAHAN PENGANGKUTAN**




Bas sekolah percuma



Transit Aliran Ringan (LRT)

## SANTAI MINDA

1. Nyatakan kemudahan awam yang disediakan di tempat anda.
2. Jelaskan cara anda menjaga kemudahan awam di tempat berikut:
   a. taman rekreasi
   b. klinik kesihatan

## NOTA GURU

2.2.1
2.2.2
2.2.3
2.2.4

- Bimbing murid mengenal pasti contoh kemudahan awam.
- Bimbing murid memberikan pandangan tentang kemudahan awam yang diketahui oleh mereka

Nilai: Bertanggungjawab, Kerajinan, Rasional, Berdikari, Kerjasama




**Baca dan fahami perbualan berikut.**

1 Kita sangat beruntung kerana banyak kemudahan awam disediakan untuk kegunaan rakyat.

2 Betul. Kemudahan awam berguna untuk semua orang. Jadi kita harus menggunakan kemudahan awam yang disediakan secara berhemah dan bertanggungjawab.



**KBAT**

Ramalkan kesan jika kita tidak dapat menggunakan kemudahan awam pada waktu kecemasan.

**NOTA GURU**

2.2.1
2.2.2
2.2.3
2.2.4

- Bimbing murid memahami kepentingan kemudahan awam.
- Bimbing murid membuat ramalan.

Nilai: Bertanggungjawab, Kerajinan, Rasional, Kerjasama

# HARGAI KEMUDAHAN AWAM

**Baca dan fahami teks di bawah.**



Hai, saya Sufia. Hari ini saya hendak pergi ke Bukit Bintang, Kuala Lumpur dengan menggunakan Transit Laju Massa (MRT). Saya memilih menaiki MRT untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas. Mari ikuti siaran langsung perjalanan saya.

## LANGKAH PERJALANAN

1



Beli token secara layan diri. Pilih destinasi yang hendak dituju.

2



Masukkan token ke dalam mesin dan tunggu sehingga pengadang elektronik terbuka.

3



Guna eskalator dengan cara yang betul untuk menuju ke platform.

5



Duduk dengan sopan dan tidak membuat bising.

6



Masukkan token ke dalam mesin untuk keluar dari stesen MRT.

4



Berdiri di belakang garisan kuning untuk menjaga keselamatan diri.

Kawan-kawan, bersama-samalah kita menjaga kemudahan awam secara berhemah. Terima kasih kerana mengikuti perjalanan saya secara langsung.



**SANTAI MINDA**

Jelaskan cara anda menjaga dan menggunakan kemudahan awam secara berhemah.

MRT (Laman web)

Perjalanan Sufia (Video)

## NOTA GURU

2.2.1
2.2.2
2.2.3
2.2.4

- Bimbing murid mengenali MRT melalui *QR Code*.

  Nilai: Bertanggungjawab, Berdikari, Keberanian, Hemah Tinggi, Rasional, Berterima Kasih

# KEMUDAHAN AWAM UNTUK SEMUA

Baca dan hayati maklumat di bawah.






Pusat Komuniti Setiawangsa, Kuala Lumpur merupakan antara kemudahan awam yang disediakan untuk kegunaan penduduk di kawasan sekitar. Pusat komuniti ini dilengkapi kemudahan awam yang selesa untuk manfaat semua.




Tempat meletak kereta khas untuk kegunaan Orang Kurang Upaya (OKU).




Kaunter untuk bertanya dan membuat tempahan kemudahan di pusat komuniti.

## NOTA GURU

2.2.1
2.2.2
2.2.4

- Bimbing murid memahami jadual tempahan.
- Bimbing murid menerangkan kegunaan kemudahan awam.
  Nilai: Bertanggungjawab, Kerajinan, Rasional, Berdikari, Kerjasama



Dewan ini digunakan untuk sebarang majlis dan juga sebagai gelanggang permainan. Pengguna perlulah memastikan kebersihan dewan ini semasa menggunakannya agar selesa digunakan oleh orang lain.

## Jadual Tempahan Dewan dan Gelanggang di Pusat Komuniti Setiawangsa

### BULAN OKTOBER

| AHAD | ISNIN | SELASA | RABU | KHAMIS | JUMAAT | SABTU |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 Pelancaran Gerakan Belia Kuala Lumpur | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 Majlis Perkahwinan Azmi dan Anita |
| 7 Gelanggang Bola Tampar: Ravi | 8 | 9 | 10 | 11 Gelanggang Badminton: Teo Kian Joo | 12 | 13 |
| 14 | 15 | 16 Program Sihat Hospital Ampang | 17 | 18 | 19 | 20 |
| 21 Jualan Komuniti Keramat | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 | 27 Majlis Hari Lahir Chris |
| 28 | 29 | 30 | 31 Majlis Penyampaian Sijil Tadika Pintar | | | |

Nota: Tempahan untuk dewan utama dan kemudahan gelanggang sahaja.

## SANTAI MINDA

1. Tulis tempahan orang ramai mengikut kegunaan masing-masing.

| Dewan | Tarikh |
|---|---|
| Majlis Perkahwinan Azmi dan Anita | 6 Oktober ______ |
| | |

| Gelanggang Sukan | Tarikh |
|---|---|
| | |
| | |

2. Bagaimanakah kita menjaga kemudahan di pusat komuniti?

# TANGGUNGJAWAB SAYA

**Teliti situasi dalam gambar dan jawab soalan di bawah.**

## Situasi A

Haikal melihat adiknya yang hendak berdiri di atas buaian semasa sedang bermain.




## Situasi B

Haikal terpandang abangnya yang hendak menggunakan tandas Orang Kurang Upaya (OKU).




### SANTAI MINDA

Sekiranya anda ialah Haikal, nyatakan tindakan yang patut anda lakukan apabila melihat situasi seperti di atas.

### KBAT

Bincangkan kesan perlakuan dalam situasi gambar di atas.

### NOTA GURU

2.2.1
2.2.2
2.2.3
2.2.4

- Bimbing murid memberikan peneguhan pada jawapan. Nilai: Bertanggungjawab, Hemah Tinggi, Rasional

# KEMUDAHAN AWAM

## Contoh

- Tandas awam
- Bas
- Padang
- Hospital
- Perhentian bas
- Taman rekreasi
- Perpustakaan
- Telefon awam
- Pejabat pos

## Kepentingan

- Membantu ketika kecemasan
- Menyediakan kemudahan untuk golongan yang kurang berkemampuan
- Tempat beriadah dan merehatkan minda

## Cara Menggunakan

- Mematuhi peraturan yang ditetapkan
- Dibimbing oleh guru dan ibu bapa
- Menggunakannya secara berhemah

## Cara Menjaga

- Menjaga kebersihan kemudahan awam
- Melaporkan kerosakan kepada pihak bertanggungjawab
- Bertimbang rasa dengan pengguna lain

UNIT 6

**A. Namakan kemudahan awam berikut dan nyatakan cara yang betul anda menggunakannya.**

1




Nama kemudahan awam:

______________________________

Cara yang betul menggunakannya:

______________________________

______________________________

2



Nama kemudahan awam:

______________________________

Cara yang betul menggunakannya:

______________________________

______________________________

3



Nama kemudahan awam:

______________________________

Cara yang betul menggunakannya:

______________________________

______________________________

4




Nama kemudahan awam:

______________________________

Cara yang betul menggunakannya:

______________________________

______________________________

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

## B. Bulatkan jawapan yang betul.

1. Pilih gambar yang menunjukkan kemudahan awam.

A.



Rumah

B.




Tandas

2. Apakah kegunaan papan tanda jalan raya?
   A. Memberikan panduan dan maklumat sesuatu tempat
   B. Tempat untuk melekatkan iklan atau poster

3. Bagaimanakah cara yang betul anda menggunakan kemudahan di perpustakaan?
   A. Berbual-bual dengan kawan
   B. Tidak mengoyak buku yang dipinjam



4. Apakah tindakan anda apabila berhadapan dengan situasi dalam gambar?
   A. Menutup paip air supaya tidak membazir
   B. Mengharapkan orang lain menutup paip

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

CETUS MINDA

# UNIT 7

## TEMA 2: HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

# KELESTARIAN ALAM SEKITAR

**Teliti dan fahami situasi gambar berikut.**





**Pada unit ini saya akan:**

**2.3.1** Menyatakan maksud 3R (*Recycle, Reuse, Reduce*).
**2.3.2** Menyenaraikan contoh amalan 3R.
**2.3.3** Menilai kesan amalan 3R kepada alam sekitar.
**2.3.4** Menjana idea untuk meningkatkan amalan 3R.
**2.3.5** Mempraktikkan amalan 3R untuk kelestarian alam sekitar.




Lagu *Rakan Alam Sekitar* (Video)

(Ihsan: JAS)

## CADANGAN NILAI

Kepercayaan kepada Tuhan
Bertanggungjawab
Rasional
Kasih Sayang
Kesederhanaan

## RANGSANG MINDA

Apakah yang boleh anda lakukan untuk menjaga bumi?

## GLOSARI

**Lestari:** Tidak berubah atau yang terpelihara seperti asal.

(Sumber: PRPM)

TAHUKAH ANDA?

# KITAR SEMULA AMALAN MULIA

**Baca dan fahami perbualan berikut.**




1. Ayah, mengapakah kita menghantar barang ini di Pusat Kitar Semula?

2. Oh, ini adalah untuk menjayakan amalan 3R!

3. Apakah amalan 3R?

4. 3R bermaksud *Recycle* (kitar semula), *Reuse* (guna semula) dan *Reduce* (kurangkan). Amalan ini menjadikan persekitaran bersih dan mengekalkan keindahan alam.

**KBAT**

Apakah yang akan terjadi kepada bumi kita sekiranya pembuangan sampah tidak terkawal?

Amalan 3R (Laman web)

## NOTA GURU

2.3.1
2.3.2
2.3.3

- Cungkil pengetahuan murid tentang tajuk kitar semula.
- Bimbing murid berbincang tentang kepentingan kitar semula.

Nilai: Kasih Sayang, Bertanggungjawab

# AMALAN 3R BUDAYA KITA

**Baca dan fahami maklumat yang diberikan.**




***Recycle* (Kitar Semula)**
Mengasingkan bahan buangan untuk dikitar semula



***Reduce* (Kurangkan)**
Mengurangkan penggunaan sumber semula jadi



***Reuse* (Guna Semula)**
Mengolah dan menggunakan semula bahan buangan



**KBAT**

Apakah kesan kepada alam sekitar sekiranya amalan 3R tidak dipraktikkan?

**GLOSARI**

**Kitar semula:** Kaedah atau teknik memproses bahan seperti tin, botol dan kertas yang telah digunakan supaya dapat digunakan semula.

(Sumber: PRPM)

## NOTA GURU

2.3.1
2.3.2
2.3.3
2.3.4
2.3.5

- Bimbing murid berbincang tentang amalan 3R.
  Nilai: Rasional, Bertanggungjawab, Kasih Sayang, Kesederhanaan

# JOM KITAR SEMULA

**Mari menyanyikan lagu.**

Jom jom kita
Mari kitar semula
Jom jom kita
Mari guna semula

Jom jom kita
Kita kurangkan sampah
Bila sampah kurang
Negara kita bersih

Jom jom kita
Kita kitar semula
Bagi menjamin
Keindahan alam

Mari semua
Bekerjasama
Untuk menjaga
Sumber bahan asli

3R ini
Amalan mulia
Mari amalkan
Dalam hidup kita

Jom jom kita
Kita menjaga alam
Jom jom kita
Kita selamatkan bumi.

Lirik: Umah a/p Mugundan
Melodi: *Jong Jong Inai*



Lagu *Jom Kitar Semula* (Audio)

**SANTAI MINDA**

Nyatakan kepentingan mengamalkan amalan 3R.

**PAK-21**

**Mari Bernyanyi**

1. Guru memperdengarkan lagu rakyat *Jong Jong Inai.*
2. Murid menyanyikan lagu *Jom Kitar Semula* mengikut irama lagu *Jong Jong Inai.*

**NOTA GURU**

2.3.2
2.3.3

- Bimbing murid menyanyikan lagu mengikut irama lagu rakyat *Jong Jong Inai.*
  Nilai: Kasih Sayang, Bertanggungjawab, Rasional, Kepercayaan kepada Tuhan

# FIKIR DAHULU SEBELUM BUANG

**Baca dan fahami risalah di bawah.**

## *Recycle* (Kitar Semula)



Mereka cipta bakul daripada surat khabar



Menghasilkan perabot daripada tayar terbuang

## *Reuse* (Guna Semula)



Menggunakan semula beg mesra alam ketika membeli-belah



Mendermakan pakaian terpakai yang masih elok

## *Reduce* (Kurangkan)



Membawa bekas sendiri semasa membeli makanan



Membeli makanan mengikut keperluan bagi mengelakkan pembaziran

**PELIHARALAH ALAM SEKITAR HARI INI DEMI KESEJAHTERAAN MASA HADAPAN**



**KBAT**

Selain cara di atas, bagaimanakah anda boleh mengamalkan 3R dalam kehidupan seharian?

Cara Kitar Semula Botol Plastik kepada Poliester (Video)

## NOTA GURU

2.3.2
2.3.3
2.3.4
2.3.5

- Bimbing murid untuk mengaplikasikan amalan 3R dalam kehidupan seharian mereka.
- Bimbing murid mengadakan aktiviti kitar semula dengan menggunakan bahan buangan.

Nilai: Kasih Sayang, Bertanggungjawab, Rasional, Kesederhanaan

# BEKAS PELBAGAI GUNA

**Mari kita lakukan aktiviti berikut.**



Sediakan bahan dan peralatan:

- tiga gulungan tisu
- warna poster
- berus lukisan
- *mounting board*
- gam
- bahan hiasan





1 Warnakan gulungan tisu dan keringkan.



2 Hias gulungan tisu mengikut kreativiti.



3 Lekat gulungan tisu pada *mounting board*.

4 Bekas pelbagai guna yang telah siap.



**SANTAI MINDA**

Sebutkan contoh barang yang boleh dihasilkan daripada bahan buangan.

## NOTA GURU

2.3.2
2.3.4
2.3.5

- Bimbing murid menyediakan bahan dan melaksanakan aktiviti.
- Bimbing murid mengenal pasti bahan lain yang boleh dikitar semula.

Nilai: Bertanggungjawab, Berdikari, Rasional

# KELESTARIAN ALAM SEKITAR

### *Recycle* (Kitar Semula)

- Mengasingkan bahan buangan untuk dikitar semula
- Mereka cipta kraf tangan daripada surat khabar
- Menghasilkan perabot daripada tayar terbuang

### *Reuse* (Guna Semula)

- Mengolah dan menggunakan semula bahan buangan
- Menggunakan semula beg mesra alam ketika membeli-belah
- Mendermakan barangan terpakai yang masih elok

### *Reduce* (Kurangkan)

- Mengurangkan penggunaan sumber semula jadi
- Membawa bekas sendiri semasa membeli makanan
- Membeli makanan mengikut keperluan bagi mengelakkan pembaziran

### Kepentingan

- Mengurangkan bahan buangan
- Mengurangkan pencemaran alam sekitar
- Mengekalkan kelestarian alam sekitar
- Menjimatkan penggunaan bahan sumber semula jadi

A. Tandakan [ ✓ ] pada pernyataan amalan 3R.

1. Menutup suis lampu yang tidak digunakan
2. Mengasingkan bahan buangan untuk dikitar semula
3. Membakar surat khabar lama
4. Menghantar barangan terpakai ke pusat kitar semula
5. Membaiki semula perabot yang rosak
6. Menggunakan beg plastik

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

**B. Nyatakan bahan baharu yang boleh dicipta berdasarkan amalan 3R.**

| PERALATAN | AMALAN 3R |
| --- | --- |
| 1  | Kitar semula surat khabar untuk menghasilkan kertas pembalut dan tisu. |
| 2  | • ________________ |
| 3  | • ________________ |
| 4  | • ________________ |
| 5  | • ________________ |
| 6  | • ________________ |



*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

UNIT 8

# TEMA 2: HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

# TANGGUNGJAWAB DIRI DALAM KEGIATAN SOSIAL

Teliti situasi dalam gambar yang diberikan.






**Pada unit ini saya akan:**

**2.4.1** Menyenaraikan tanggungjawab diri dalam kegiatan sosial.
**2.4.2** Menjelaskan kesedaran dan kepentingan tanggungjawab diri dalam kegiatan sosial.
**2.4.3** Melibatkan diri dan memberikan sumbangan dalam kegiatan sosial.




(Gambar ihsan: IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur)



**CADANGAN NILAI**

Bertanggungjawab
Kerjasama
Hemah Tinggi
Kesederhanaan
Baik Hati
Berdikari

**RANGSANG MINDA**

Mengapakah kita perlu melakukan aktiviti sosial seperti dalam gambar di atas?

**GLOSARI**

**Tanggungjawab:**
Sesuatu yang mesti dilakukan.

**Kegiatan sosial:**
Perkara yang dilakukan berkaitan dengan hal dan aktiviti masyarakat.

(Sumber: PRPM)

# YANG SUSAH PERLU DIBANTU

**Fahami perbualan dan maklumat berikut.**

Haris, Aqil, Asmitha, Lai dan Zakiah sedang berbincang untuk membantu mangsa banjir di kampung mereka.





Selain itu, mereka juga mencadangkan beberapa amalan tanggungjawab sosial yang boleh dilakukan untuk membantu mangsa banjir.

| | | |
|---|---|---|
| Mendermakan buku akademik | Membantu menyediakan makanan untuk mangsa banjir | Membersihkan peralatan rumah yang kotor |
| Membantu mengecat dinding rumah | Menziarahi jiran yang ditimpa musibah | Memberikan kata-kata semangat kepada mangsa banjir |



**SANTAI MINDA**

Ceritakan pengalaman anda melakukan perkara-perkara seperti di atas.

**NOTA GURU**

2.4.1
2.4.2
2.4.3

- Bimbing murid menceritakan pengalaman menjalankan tanggungjawab sosial di kawasan perumahan.

Nilai: Bertanggungjawab, Kerjasama, Hemah Tinggi, Kesederhanaan, Baik Hati, Berdikari

# TANGGUNGJAWAB DILAKSANA MASYARAKAT TERJAGA

Baca dan fahami catatan blog di bawah.



## CATATAN SHAMINI

7 Februari

### TANGGUNGJAWAB SOSIAL DI PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK)

- Kami berpeluang menjalankan tanggungjawab sosial di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bersama-sama rakan sekelas.
- Aktiviti yang dijalankan di sini termasuklah pengurusan diri, terapi, asas membaca, berkebun dan permainan.





### PROFIL SAYA

**Nama:** Shamini a/p Arul
**Umur:** 17 tahun
**Negeri:** Kuala Lumpur
**Hobi:** Membaca dan melakukan khidmat masyarakat

### TANGGUNGJAWAB KAMI

Kami menjalankan aktiviti bersama-sama pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) secara santai untuk menggembirakan hati mereka.

**NOTA GURU**

2.4.1
2.4.2
2.4.3

- Bimbing murid memahami fungsi dan peranan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti melalui laman web Jabatan Kebajikan Masyarakat.
  Nilai: Kasih Sayang, Bertanggungjawab, Hormat, Kesederhanaan, Baik Hati, Berdikari





PDK (Laman web)

(Gambar ihsan: IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur)

## REFLEKSI

Aktiviti khidmat masyarakat ini memberikan kesedaran kepada saya supaya bersyukur dengan apa yang dikurniakan Tuhan. Saya dan kawan-kawan berjanji untuk terus membantu pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dengan lebih kerap. Semoga catatan ini dapat menarik minat pembaca untuk melakukan aktiviti ini sekali gus membudayakan masyarakat penyayang.

### GLOSARI

**Blog:** Tapak web yang membolehkan pengguna menulis dan menyimpan diari atau jurnal secara elektronik.

(Sumber: PRPM)

### SANTAI MINDA

Apakah pandangan anda terhadap individu yang suka melibatkan diri dalam aktiviti di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)?

# APAKAH TINDAKAN ANDA?

Teliti situasi dalam gambar di bawah.

## Situasi A




(Gambar ihsan: Pusat Internet Kamunting)

Penduduk setempat sedang berbincang tentang Program Mencegah Wabak Denggi di kawasan perumahan.

## Situasi B




Papan tanda jatuh di atas bahu jalan raya berhampiran kawasan perumahan anda.

### SANTAI MINDA

Pilih tindakan yang sesuai berdasarkan situasi A dan situasi B di atas.

**Situasi A**

a. Menyertai perbincangan dan menerima tanggungjawab yang diberikan

b. Memberikan alasan ketika diberikan tugasan

**Situasi B**

a. Memaklumkan pihak berkuasa tentang kejadian itu

b. Mengalihkan papan tanda di tepi jalan raya

### NOTA GURU

2.4.1
2.4.2
2.4.3

- Bimbing murid memilih tindakan yang sesuai.
- Bimbing murid memberikan peneguhan jawapan.

Nilai: Hormat, Kasih Sayang, Keberanian, Bertanggungjawab, Kesederhanaan

# ZIARAH

Mari sama-sama kita menyanyikan lagu Ziarah.

## ZIARAH

La la la la la la la... la la la la
La la la la la la la... la la la la
La la la la... la la la la la la

Mula mula mula kusangsi
Untuk libatkan dalam aktiviti
Tak apalah terima kasihlah kudiamkan diri

Suatu hariku ditimpa bala
Jiran-jiran tak putus ziarah
Katanya tanggungjawab mereka
Kepada semua

Ziarah
Jangan ragu-ragu dengan cara ini
Buatku rasa malu dalam komuniti
Kesalnya diriku
Kuakan jadi yang terbaik untuk jiranku

Ziarah
Aktiviti sosial yang paling mudah
Namun beriku makna yang paling indah
Tersentuh hatiku untuk selamanya
Kutekad mahu bersama mereka.

*Ulang sekali lagi

Lirik: Norani Abd Rahim
Melodi: *Aisyah*

Lagu *Ziarah* (Audio)

**GLOSARI**

**Komuniti:** Orang yang tinggal dalam sesuatu tempat.

(Sumber: PRPM)



## NOTA GURU

2.4.1
2.4.2
2.4.3

- Bimbing murid menyanyikan lagu *Ziarah* mengikut melodi lagu *Aisyah*.
  Nilai: Bertanggungjawab, Kasih Sayang, Kerjasama

# TANGGUNGJAWAB DIRI DALAM KEGIATAN SOSIAL

### Tanggungjawab Diri dalam Kegiatan Sosial

- Membantu mereka yang dalam kesusahan
- Mendoakan kesejahteraan
- Melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan
- Meraikan kejayaan bersama-sama
- Menghormati orang yang lebih tua

### Contoh Penglibatan

- Membantu jiran yang ditimpa bencana
- Menghadiri majlis kenduri
- Bergotong-royong
- Sukaneka
- Menziarahi jiran yang sakit

### Kepentingan

- Meringankan beban yang ditanggung oleh masyarakat setempat
- Memupuk konsep masyarakat penyayang
- Mengukuhkan hubungan sesama anggota masyarakat

**A. Warnakan ruang jawapan yang menunjukkan tindakan betul apabila anda melihat situasi dalam gambar.**

1



A Memerhatikan jiran mengangkat barang

B Membantu jiran mengangkat barang

2



A Memberitahu ibu bapa

B Memecahkan sarang lebah

3



A Menangkap pencuri itu

B Melaporkan kecurian kepada pihak polis

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

**B. Jawab soalan di bawah.**

## PROGRAM SUMBANGAN BUKU TERPAKAI

**Anjuran Perpustakaan Mini**
**Desa Bakri, Muar, Johor**



**Tarikh:** 10 Ogos ______
**Masa:** 8:30 pagi – 12:00 tengah hari
**Tempat:** Perpustakaan Mini Desa Bakri
**Jenis buku:** Buku cerita, buku rujukan atau majalah

1. Apakah tanggungjawab anda untuk menjayakan program di atas?
   a. Mengumpul buku untuk disumbangkan kepada penganjur
   b. Mengabaikan maklumat yang terkandung dalam kain rentang

2. Jelaskan faedah menyertai program di atas kepada:

   a. diri: ______________________________________________

   b. masyarakat: ______________________________________________

3. Cadangkan bentuk promosi yang boleh anda lakukan untuk menjayakan Program Sumbangan Buku Terpakai setelah membaca kain rentang di atas.

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

# TEMA 3:

## MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG



UNIT 9

TEMA 3: MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

# ADAB DALAM MAJLIS



**Fahami situasi dalam gambar berikut.**



Menjemput tetamu menjamu selera



Menghidangkan kuih untuk tetamu

**Pada unit ini saya akan:**

**3.1.1** Mengenal pasti dan menyenaraikan adab dalam majlis:
- i. Tidak Rasmi
- ii. Rasmi

**3.1.2** Menghuraikan kebaikan dan kesan tingkah laku beradab dalam sesuatu majlis.

**3.1.3** Mempraktikkan adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.



Berbual mesra dengan tetamu



Bersalaman sebelum pulang

**CADANGAN NILAI**

Bertanggungjawab
Hemah Tinggi
Rasional
Kesederhanaan
Hormat
Bertoleransi
Harga Diri

**RANGSANG MINDA**

Nyatakan adab yang diamalkan dalam situasi gambar di atas.

**GLOSARI**

**Adab:** Budi pekerti dan tingkah laku yang baik.

**Majlis:** Upacara pertemuan/keramaian.

(Sumber: PRPM)

# MASYARAKAT BERADAB HIDUP BAHAGIA

Baca dan fahami maklumat berikut.

## ADAB BERCAKAP

Ketika berada dalam mesyuarat:



- Bertutur dengan bahasa yang sopan dan jelas
- Berinteraksi dengan sopan dan lemah lembut

**Kepentingan**
Maklumat disampaikan dengan jelas dan tersusun

## ADAB BERPAKAIAN

Ketika majlis rumah terbuka:



- Memakai pakaian yang sesuai dengan majlis
- Memakai pakaian yang sopan dan tidak mencolok mata

**Kepentingan**
Menjaga imej diri

## ADAB BERZIARAH

Ketika menziarahi seseorang:



- Berziarah pada waktu yang sesuai
- Menanggalkan kasut sebelum memasuki rumah

**Kepentingan**
Mewujudkan suasana harmoni

## ADAB BERGAUL

Ketika bersama-sama rakan:



- Menggunakan kata panggilan yang sesuai
- Memberikan tumpuan ketika berbual dengan rakan

**Kepentingan**
Mengeratkan hubungan

## ADAB DUDUK

Ketika Majlis Anugerah Cemerlang:



- Duduk dengan cara tertib
- Memandang ke hadapan
- Tidak menggoyangkan kaki

**Kepentingan**
Menghormati majlis

## ADAB MAKAN

Ketika di meja makan:



- Mengambil makanan mengikut keperluan
- Menghabiskan makanan yang diambil

**Kepentingan**
Mengelakkan pembaziran



### SANTAI MINDA

1. Mengapakah kita perlu beradab dalam semua majlis?
2. Senaraikan kebaikan mengamalkan tingkah laku beradab dalam majlis.

### INFOBESTARI

**Contoh Majlis Rasmi**
- Perhimpunan pagi
- Kejohanan sukan tahunan

**Contoh Majlis Tidak Rasmi**
- Rumah terbuka
- Sambutan hari jadi

### NOTA GURU

3.1.1
3.1.2
3.1.3

- Bimbing murid mengamalkan tingkah laku beradab dalam sesuatu majlis.
  Nilai: Rasional, Hormat, Hemah Tinggi, Bertanggungjawab, Kesederhanaan

# MAJLIS DIRAIKAN, ADAB DIAMALKAN

**Baca dan fahami atur cara Majlis Graduasi SMK Tunku Ampuan Durah, Seremban.**

| MASA | ATUR CARA |
|---|---|
| 8:00 pagi | Pendaftaran ibu bapa dan murid |
| 8:45 pagi | Ketibaan tetamu kehormat |
| 8:50 pagi | Nyanyian lagu *Negaraku* dan lagu sekolah |
| 9:00 pagi | Bacaan doa |
| 9:15 pagi | Ucapan alu-aluan |
| 9:30 pagi | Ucapan perasmian |
| 10:00 pagi | Persembahan |
| 10:30 pagi | Penyampaian hadiah dan sijil |
| 11:30 pagi | Sesi bergambar |
| 12:00 tengah hari | Jamuan makan tengah hari |
| | Majlis bersurai |





## SANTAI MINDA

Lengkapkan jadual di bawah.

| ATUR CARA | TINGKAH LAKU BERADAB |
|---|---|
| 1. Pendaftaran ibu bapa dan murid | • Memakai pakaian yang sopan<br>• Menepati waktu |
| 2. Nyanyian lagu *Negaraku* | • ______________________<br>• ______________________ |
| 3. Ucapan perasmian | • ______________________<br>• ______________________ |
| 4. Jamuan makan tengah hari | • ______________________<br>• ______________________ |

## NOTA GURU

3.1.1
3.1.3

- Berikan peneguhan pada jawapan murid.
  Nilai: Rasional, Hormat, Hemah Tinggi, Bertanggungjawab, Harga Diri

# PERMAINAN RODA BERADAB




**Mari bermain.**

## Panduan Permainan

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan. Lantik seorang ketua kumpulan.
2. Ketua kumpulan dikehendaki memutarkan roda dan mengambil kad situasi mengikut nombor arah anak panah berhenti.
3. Baca dan jawab soalan pada kad situasi. Berikan ganjaran sekiranya jawapan mereka sesuai.

### Situasi dan Soalan 1

Anda menghadiri sambutan Hari Gawai. Nyatakan amalan beradab anda dalam majlis tersebut.

### Situasi dan Soalan 2

Anda sedang menikmati makan malam bersama-sama ahli keluarga. Lakonkan adab anda di meja makan.

### Situasi dan Soalan 3

Dalam majlis kesyukuran, para tetamu duduk bersila di ruang tamu. Anda hendak lalu di depan mereka. Lakonkan situasi tersebut.

### Situasi dan Soalan 4

Jiran anda meninggal dunia. Nyatakan perlakuan beradab anda semasa menghadiri upacara pengebumian jiran.

Hari Gawai (Video)

(Ihsan: FINAS)

## NOTA GURU

3.1.1
3.1.3

- Pelbagaikan situasi dan soalan.
- Bimbing murid menjawab soalan.

Nilai: Hemah Tinggi, Hormat, Rasional, Bertanggungjawab

# POSTUR DUDUK YANG BETUL

Teliti gambar berikut.



## Cara Duduk yang Betul

- Tegakkan kepala dan pandang ke depan
- Bahu dalam keadaan relaks
- Tangan di atas paha
- Lutut lebih rendah dari pinggang
- Tapak kaki dalam keadaan rata

## Cara Duduk yang Salah

- Badan dan kepala dibongkokkan
- Pinggang ditegangkan dan bahu mendada





### SANTAI MINDA

Selain cara duduk yang betul, nyatakan tingkah laku beradab yang pernah anda amalkan dalam sesuatu majlis.

### PAK-21

**Main Peranan**

1. Murid diberi peranan dalam sesuatu majlis.
2. Murid membuat simulasi cara duduk dalam majlis tersebut.

### NOTA GURU

3.1.1
3.1.3

- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.
- Minta murid mengamalkan postur duduk yang betul dalam majlis.

Nilai: Hemah Tinggi, Bertanggungjawab, Rasional, Hormat

# ADAB DALAM MAJLIS

**Contoh Majlis Rasmi**

- Perhimpunan pagi
- Kejohanan sukan tahunan

**Contoh Majlis Tidak Rasmi**

- Rumah terbuka
- Sambutan hari jadi

**Adab Bercakap**

- Bertutur dengan bahasa yang sopan dan jelas
- Berinteraksi dengan cara yang sopan dan lemah lembut

**Adab Berpakaian**

- Memakai pakaian yang sesuai dengan majlis
- Memakai pakaian yang sopan

**Adab Berziarah**

- Berziarah pada waktu yang sesuai
- Menanggalkan kasut sebelum memasuki rumah

**Adab Bergaul**

- Menggunakan kata panggilan yang sesuai
- Memberikan tumpuan ketika berbual

**Adab Duduk**

- Duduk dengan cara yang tertib
- Memandang ke depan

**Adab Makan**

- Mengambil makanan mengikut keperluan
- Menghabiskan makanan yang diambil

**Kepentingan**

- Menjaga imej dan maruah diri
- Mengeratkan perhubungan
- Mewujudkan suasana harmoni
- Dihormati dan disayangi

## DUGA ILMU

A. Warnakan simbol 👍 dengan warna biru bagi perbuatan beradab dan simbol 👎 dengan warna merah bagi perbuatan tidak beradab.

1


2


3


4


5


6


*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

B. Tandakan [ ✓ ] pada soal selidik tingkah laku beradab di bawah.

| | Pernyataan | Ya | Tidak |
|---|---|---|---|
| 1 | Saya menggunakan kata panggilan yang sesuai semasa berbual. | | |
| 2 | Saya memakai pakaian yang ketat dan seluar pendek ke majlis jamuan hari raya di sekolah. | | |
| 3 | Saya menanggalkan kasut sebelum memasuki rumah kawan semasa majlis hari lahir. | | |
| 4 | Saya duduk secara tertib dan sopan dalam sesuatu majlis. | | |
| 5 | Saya mengucapkan terima kasih apabila dijemput menghadiri rumah terbuka. | | |
| 6 | Saya mengambil makanan dalam jumlah yang banyak semasa menghadiri majlis hari raya. | | |
| 7 | Saya menggunakan bahasa yang sopan dalam sesuatu majlis. | | |
| 8 | Saya tidur semasa pengetua berucap dalam perhimpunan sekolah. | | |

**Panduan Jumlah Skor**

Jika jumlah skor jawapan Ya:

5 hingga 8: Syabas dan tahniah!
0 hingga 4: Tingkatkan amalan beradab anda.

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

CETUS MINDA

UNIT 10

TEMA 3: MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

# UNIT 10 HINDARI JENAYAH KANAK-KANAK

Teliti keratan akhbar dan statistik.

## Keratan Akhbar Kes Buli

### Pelajar senior didenda RM200 kerana membuli junior

Oleh NORANI ABD RAHIM
norani@gmail.com

Melaka – Tiga pelajar senior sebuah institut kemahiran didenda RM200 kerana memukul pelajar junior yang tidak mahu mematuhi arahan mereka untuk mencuci pakaian milik mereka yang kotor.

Majistret Muhammad Hazreen Bakhtiar menjatuhkan hukuman itu terhadap tiga pelajar terbabit, iaitu Nasrul Alias 22, Hamizi Jaafar 23 dan Kamarul Arrifin 21 selepas ketiga-tiga mereka mengaku mengaku bersalah atas pertuduhan yang disabitkan.

Mengikut pertuduhan, ketiga-tiga mereka didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada Afifi Kamaruddin 20, dengan cara menampar muka dan menendang peha sebelah kanan. Selain menumbuk di bahagian perut mangsa.

Perbuatan itu dilakukan ketiga-tiga pertuduhan di bilik asrama bernombor A-1-24 institut kemahiran di Alor Gajah pada pukul 12.30 pagi, 5 Mac 2009.

Bagi kes itu, ketiga-tiga tertuduh disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda RM2000 atau sebat.

Terdahulu semasa prosiding berlangsung Muhammad Hazreen bertanyakan punca ketiga-tiga tertuduh memukul mangsa.

Salah seorang tertuduh kemudian memberitahu, mereka memukul mangsa disebabkan mangsa enggan mencuci pakaian kotor milik mereka bertiga seperti yang diarahkan.

"Tiada jurang antara pelajar yang lebih tua dengan yang baru serta janganlah kita buli-membuli antara satu sama lain." Kata Muhammad Hazreen.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Amira Zakaria yang mengendalikan kes berkenaan memohon hukuman setimpal dijatuhkan terhadap tertuduh.

Selepas mendengar dan meneliti fakta kes, Muhammad Hazreen membuat keputusan untuk menjatuhkan hukuman denda mengikut kemahuan mangsa dan ketiga-tiga tertuduh juga perlu meminta maaf kepada mangsa.

"Mangsa menetapkan setiap seorang kamu (tertuduh) untuk membayar RM200 dan kamu perlu membayar denda itu di hadapan saya sekarang," katanya.

Ketiga-tiga tertuduh kemudian membayar denda tersebut dan meminta maaf kepada mangsa seperti yang diarahkan oleh mangsa.



Seorang daripada tiga pelajar senior yang didenda menutup muka ketika keluar dari Mahkamah Majistret Melaka.

(Dikarang oleh: Norani Abd Rahim)

### Remaja buli ibu, adik dihukum penjara

Oleh NORANI ABD RAHIM
norani@gmail.com

Selangor – Hanya kerana air minuman ringan yang dibeli tidak sama seperti yang dipesan, seorang remaja memukul ibu dan adiknya dengan menggunakan tali pinggang dalam kejadian di sebuah rumah di Kampung Bahagia di sini pada 7 Julai yang lalu.

Dalam kejadian pukul 11.00 pagi itu, remaja itu turut didakwa mengacu parang dan melempar periuk ke arah seorang lagi adik perempuannya.

Walau bagaimanapun, perbuatan remaja berusia 19 tahun tersebut menerima hukuman setimpal setelah mahkamah menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun ke atasnya semalam.

Majistret Nik Shuhaimi menjatuhkan hukuman tersebut setelah remaja terbabit mengaku bersalah atas keempat-empat tuduhan, iaitu mengugut adik perempuannya yang berusia 12 tahun dengan parang, mencederakan belakang badan adiknya dengan melempar periuk, mencederakan ibunya yang berusia 57 tahun dengan melibas tali pinggang pada bahagian kaki dan mencederakan adik lelakinya yang berusia 15 tahun, dengan menumbuk pada belakang lehernya.



Remaja yang disabitkan kesalahan kerana membuli ibu serta adiknya di Mahkamah Majistret Petaling Jaya.

Difahamkan, kejadian berlaku setelah tertuduh naik berang apabila minuman yang dibeli oleh adik tertuduh tidak seperti yang dipesan.

Bagi pertuduhan pertama, remaja terbabit didakwa melakukan ugutan jenayah dengan sebilah parang berukuran 42 sentimeter untuk mencederakan adik perempuannya.

Bagi pertuduhan kedua, remaja terbabit didakwa mencederakan adik lelakinya dengan menumbuk belakang leher mangsa dan berlaku pergelutan.

Bagi pertuduhan ketiga sehingga keempat, remaja terbabit didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga setahun atau denda RM2,000 atau dua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Majistret Nik Shuhaimi menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara bagi pertuduhan mengugut hendak mendatangkan kecederaan kepada ibunya menggunakan parang manakala bagi setiap pertuduhan yang lain tertuduh dikenakan hukuman enam bulan penjara.

Semua hukuman penjara tersebut diarahkan berjalan secara serentak bermula dari tarikh tangkapan. Pendakwaan semalam dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurliana Abidin.

(Dikarang oleh: Norani Abd Rahim)

### Buli: Lima pelajar ditahan

Oleh NORANI ABD RAHIM
norani@gmail.com

Terengganu 20 Julai – Polis menahan lima pelajar bagi membantu siasatan kes buli lapan penghuni asrama sebuah sekolah di Kedah dekat sini sejak Februari lalu.

Kelima-lima suspek ditahan pada 19 Mei lalu merupakan pelajar tingkatan lima yang menghuni asrama tersebut, manakala semua mangsa merupakan pelajar tingkatan 1 yang baru mendaftar di asrama sekolah berkenaan.

Menurut sumber, kesemua mangsa yang berumur 13 tahun itu dikatakan telah dibuli selain dipaksa melakukan perbuatan kelucahan melampau serta mengemas tempat tidur pelajar senior setiap hari.

Ujarnya, salah seorang daripada mangsa yang tidak tahan dengan kejadian yang menimpanya telah menceritakan perkara yang berlaku kepada kakaknya sebelum memaklumkan kepada ibunya.

Ibu mangsa yang mengetahui perkara tersebut segera membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun.

(Dikarang oleh: Norani Abd Rahim)

**Pada unit ini saya akan:**

- **3.2.1** Mengenal pasti jenayah.
- **3.2.2** Mengenali jenayah kanak-kanak.
- **3.2.3** Menyatakan jenis-jenis jenayah kanak-kanak.
- **3.2.4** Menyatakan kesan jenayah kanak-kanak.
- **3.2.5** Menjelaskan kebaikan menjauhi jenayah kanak-kanak.

## Statistik Penglibatan Jenayah Kanak-kanak Mengikut Jenis Kesalahan bagi Tahun 2016




**Petunjuk**

- Bersabit dengan harta benda
- Bersabit dengan orang
- Dadah
- Lalu lintas
- Lain-lain
  - Permohonan tidak terkawal
  - Menceroboh kawasan larangan
  - Memiliki bahan lucah
  - Merayau tanpa kad pengenalan
  - Di bawah Akta Pencegahan Rasuah
  - Di bawah Akta Perikanan
  - Di bawah Akta Telekomunikasi
  - Di bawah Akta Pengangkutan Jalan
  - Di bawah Ordinan Keracunan

(Sumber: Data diubah suai daripada laman web Jabatan Kebajikan Masyarakat *http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/Buku%20statistik%202016.pdf*)

**CADANGAN NILAI**

Kesederhanaan
Rasional
Kasih Sayang
Hormat
Bertanggungjawab
Harga Diri
Keberanian

**RANGSANG MINDA**

Jelaskan perasaan anda apabila membaca tajuk utama akhbar dan statistik di atas. Berikan alasan anda.

**GLOSARI**

**Jenayah:** Perbuatan yang salah di sisi undang-undang.

(Sumber: PRPM)

**TAHUKAH ANDA?**

## JAUHI JENAYAH

Baca dan fahami maklumat berikut.




(Sumber: Polis Diraja Malaysia)

**SANTAI MINDA**

1. Senaraikan jenis jenayah kanak-kanak.
2. Mengapakah kita perlu menjauhi jenayah kanak-kanak?

## DEFINISI JENAYAH KANAK-KANAK

"Setiap perbuatan yang menyalahi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan adalah jenayah. Jika jenayah dilakukan oleh kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dikenali sebagai jenayah kanak-kanak."

(Sumber: *Undang-Undang Am Malaysia, Jilid III: International Law Book Services*)

## MESEJ POLIS

POLIS DIRAJA MALAYSIA

"Elakkan diri daripada melakukan jenayah. Masa hadapan akan menjadi gelap jika masa dihabiskan di penjara. Rancanglah kejayaan untuk diri dan keluarga agar bebas daripada jenayah. Jauhi jenayah agar masa hadapan terpelihara dan dapat hidup tenang serta harmoni."

## PAK-21

**Kad Keluar**

1. Murid membuat refleksi berdasarkan warna kad yang diterima.
   - kad kuning - Apakah perkara baharu yang dipelajari?
   - kad merah - Apakah perkara yang membimbangkan saya?
   - kad hijau - Apakah pengajaran yang diperoleh daripada topik ini?
2. Murid boleh menjawab soalan secara lisan atau bertulis.

3.2.1
3.2.2
3.2.3
3.2.4
3.2.5

## NOTA GURU

- Bimbing murid memahami maksud jenayah kanak-kanak dan jenis jenayah kanak-kanak.
- Bimbing murid memahami kebaikan menjauhi jenayah kanak-kanak.

Nilai: Kesederhanaan, Rasional, Kasih Sayang, Hormat, Bertanggungjawab, Harga Diri

# AKIBAT TIDAK BERFIKIR PANJANG

**Baca dan fahami pengajaran cerita di bawah.**

Perlakuan Rosli yang tidak mahu meminjamkan tugasan kerja sekolah menyebabkan Budin tidak berpuas hati. Budin mengadu kepada rakannya. Mereka merancang untuk melakukan sesuatu kepada Rosli.





Tiba-tiba seorang pelajar senior lalu di kawasan tersebut dan menegur perbuatan mereka.

5






6




7

?

Sekiranya anda ialah Rosli, apakah tindakan anda?

## SANTAI MINDA

Nyatakan kesalahan yang dilakukan oleh Budin dan rakannya.

## GLOSARI

**Buli:** Perbuatan mempermainkan, mendera seseorang untuk mendapatkan keseronokan.

(Sumber: PRPM)

## NOTA GURU

3.2.1
3.2.2
3.2.3
3.2.4

- Bimbing murid memahami cerita di atas.
- Bimbing murid memberikan peneguhan jawapan.
  Nilai: Hormat, Kasih Sayang, Keberanian, Bertanggungjawab, Kesederhanaan, Rasional

# INGAT PESAN NENEK

**Hayati perbualan di bawah.**






**SANTAI MINDA**

Bincangkan dua kebaikan lain menjauhi jenayah kanak-kanak.

**NOTA GURU**

3.2.4
3.2.5

- Bimbing murid memahami perbualan di atas.
- Bimbing murid memberikan peneguhan jawapan.

Nilai: Hormat, Kasih Sayang, Keberanian, Bertanggungjawab, Kesederhanaan, Rasional

# KEMPEN JAUHI JENAYAH KANAK-KANAK

**Hasilkan poster Kempen Jauhi Jenayah Kanak-kanak.**



1 Pilih dan klik templat *Event Flyer*.



2 Pilih dan klik templat reka bentuk yang sesuai.




3 Taip tajuk utama kempen dan pilih warna yang sesuai.




4 Masukkan foto yang sesuai.

## MARI HAYATI




5 Hias poster dengan warna dan jenis *font* yang sesuai.




6 Poster kempen siap untuk dipamerkan.

UNIT 10

### KBAT

Nyatakan pengajaran yang anda peroleh melalui aktiviti ini.

### GLOSARI

**Poster:** Notis atau gambar yang ditampal pada dinding atau papan kenyataan, terutamanya untuk mengiklankan sesuatu.

(Sumber: PRPM)

### NOTA GURU

3.2.1
3.2.3

- Bimbing murid mereka bentuk poster Kempen Jauhi Jenayah Kanak-kanak menggunakan perisian *Publisher*.
- Minta murid mencetak dan menampal poster pada papan kenyataan.
  Nilai: Keberanian, Bertanggungjawab, Kesederhanaan

# HINDARI JENAYAH KANAK-KANAK



## Jenis Jenayah Kanak-kanak

- Buli
- Ragut
- Rogol
- Dadah
- Curi kenderaan
- Seluk saku
- Pecah rumah
- Rompak

## Kesan Jenayah Kanak-kanak

- Menjejaskan masa hadapan
- Menjatuhkan maruah keluarga
- Digantung atau dibuang sekolah

## Kebaikan Menjauhi Jenayah Kanak-kanak

- Bebas mencapai cita-cita
- Boleh mencipta kejayaan
- Hidup akan lebih tenang dan aman
- Disayangi dan dihormati oleh keluarga, rakan-rakan dan masyarakat

A. Tandakan [ ✓ ] pada fakta jenayah kanak-kanak yang betul.

| a. Maksud Jenayah Kanak-kanak | |
|---|---|
| 1. Perbuatan yang menyalahi undang-undang dan peraturan yang dilakukan oleh kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. | |
| 2. Perbuatan menyalahi undang-undang dan peraturan yang dilakukan oleh kanak-kanak di atas umur 18 tahun. | |



| b. Jenis Jenayah Kanak-kanak | |
|---|---|
| 1. Rogol | |
| 2. Ragut | |
| 3. Membuang masa | |
| 4. Buli | |

| c. Kesan Jenayah Kanak-kanak | |
|---|---|
| 1. Menjejaskan masa hadapan | |
| 2. Hidup dalam suasana yang tenang dan harmoni | |
| 3. Menjatuhkan maruah keluarga | |

| d. Kebaikan Menjauhi Jenayah Kanak-kanak | |
|---|---|
| 1. Menjalani kehidupan yang baik | |
| 2. Bebas merancang kejayaan diri | |
| 3. Digantung persekolahan | |

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

**B.** Tulis nilai yang perlu diamalkan untuk menjauhi jenayah kanak-kanak pada ruang jawapan.




*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

UNIT 11

TEMA 3: MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

# KEBEBASAN BERSUARA



**Baca dan fahami perbualan di bawah.**




**Pada unit ini saya akan:**

- 3.3.1 Menyatakan maksud kebebasan bersuara.
- 3.3.2 Menyenaraikan kesan kebebasan bersuara.
- 3.3.3 Menjelaskan dengan contoh kepentingan kebebasan bersuara dengan batasan tertentu.




## CADANGAN NILAI

- Rasional
- Bertanggungjawab
- Keberanian
- Kerjasama
- Kebebasan
- Kejujuran
- Bertoleransi

## RANGSANG MINDA

Mengapakah kita perlu mengamalkan kebebasan bersuara?

## GLOSARI

**Kebebasan bersuara:** Kebebasan seseorang untuk menyatakan atau melahirkan fikiran atau fahaman.

(Sumber: PRPM)

# KEBEBASAN BERSUARA MENJAMIN KEHARMONIAN

Baca dan fahami maklumat di bawah.

**SMK TAMAN NURANI**

BORANG ADUAN

**Nama murid:** Aniq bin Akmal
**Tingkatan:** 3 Bestari
**Perkara:** Aduan tentang kantin

Perihal aduan:
1. Harga makanan mahal.
2. Menu yang disediakan tiada variasi.
3. Makanan sering terdedah kepada lalat.
4. Sudu, garpu dan cawan tidak bersih.
5. Makanan seperti mi goreng terlalu berminyak dan tidak berkhasiat.

Aniq
...................................
( Aniq bin Akmal )

Tarikh: 22 Ogos ______



## INFOBESTARI

**Saluran untuk menyatakan pendapat:**
- berbincang dengan guru atau kaunselor
- memaklumkan aduan kepada ibu bapa
- membuat laporan bertulis kepada pengetua



Selepas tiga hari, Aniq telah dipanggil oleh guru. Mari ikuti perbualan mereka.

**1** Pihak sekolah telah berjaya menyelesaikan isu di kantin sekolah. Tahniah kerana kamu berani membuat aduan! Kamu telah memilih saluran yang betul. Kebebasan bersuara dengan batasan boleh menyelesaikan masalah dengan cepat dan mengelakkan pertelingkahan.

**2** Terima kasih, cikgu. Apakah maksud kebebasan bersuara?

**3** Kebebasan bersuara ialah kebebasan berucap dan mengeluarkan buah fikiran dengan batasan tanpa menyentuh isu sensitif untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman.

**4** Oh, fahamlah saya! Saya berjanji akan menggunakan kebebasan bersuara secara berhemah.




**KBAT**

Apakah kesan menyuarakan pendapat melalui saluran yang betul?

## NOTA GURU

3.3.1
3.3.2
3.3.3

- Bimbing murid mengenal pasti kepentingan kebebasan bersuara.
  Nilai: Rasional, Keberanian, Kerjasama, Bertanggungjawab, Bertoleransi

# SAYA REMAJA BEBAS BERSUARA

**Mari bermain.**

− 100



Orang Kurang Upaya (OKU) tidak diberi peluang untuk menyertai aktiviti luar. Tindakan anda?
20 mata



Saya memberikan pandangan dalam mesyuarat.
(Ya atau Tidak)
50 mata

**Alatan**
- Dadu
- Penanda
- Kertas catatan



**MULA/TAMAT**

+ 100

Pengusaha kantin membuang sisa makanan ke dalam longkang. Tindakan anda?



40 mata



Taman permainan kanak-kanak disalahgunakan oleh remaja. Tindakan anda?

30 mata

## Panduan Permainan

1. Guru menetapkan masa untuk bermain.
2. Setiap pemain diberi 100 mata dan bermain mengikut giliran.
3. Pemain melontarkan buah dadu dan bergerak mengikut nombor dadu.
4. Setiap kali pemain melalui petak permulaan, pemain akan mendapat 100 mata.
5. Pemain yang berhenti di kotak situasi dikehendaki menjawab soalan. Jika berjaya menjawab, mereka akan mengumpul mata bonus.
6. Guru diminta memberikan peneguhan pada jawapan murid.
7. Pemain yang mengumpul mata yang paling tinggi akan menjadi Juara Remaja Bebas Bersuara.



Pengusaha kilang membuang sisa toksik ke dalam sungai. Tindakan anda?

20 mata

Saya akan mengadakan demonstrasi bantahan terhadap warga sekolah.

30 mata






## NOTA GURU

3.3.2
3.3.3

- Bimbing murid bermain.
- Guru boleh menggantikan mata dengan wang kertas palsu.
- Guru boleh mempelbagaikan situasi kebebasan bersuara.

Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Keberanian

# KERJAYA MASA HADAPAN

**Baca dan fahami perbualan di bawah.**

1. Fariz, apakah jurusan yang menjadi pilihan kamu selepas ini?

2. Saya ingin mengambil kursus seni lukis ayah!

3. Kamu harus mengikuti kursus masakan seperti kakak kamu.

4. Saya meminati seni lukis. Saya mahu ikuti kursus tersebut.



**KBAT**

Apakah alasan lain yang boleh diberikan oleh Fariz untuk mengukuhkan hujahnya tentang kerjaya masa hadapan?

## NOTA GURU

3.3.2
3.3.3

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid berani menyuarakan pendapat masing-masing.
  Nilai: Rasional, Kebebasan, Keberanian, Kejujuran

INTERVENSI

# SUSUN SUAI

**Mari mencantum keratan gambar di bawah.**



## Panduan Permainan

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
2. Minta murid mencantumkan keratan gambar.

Susun Suai (PDF)

UNIT 11

**SANTAI MINDA**

Bincangkan mesej yang terdapat pada keratan cantuman tersebut bersama-sama guru.

## NOTA GURU

3.3.2
3.3.3

- Bimbing murid menjalankan aktiviti.
- Bimbing murid untuk mencipta slogan dengan menggunakan enjin carian.
- Bimbing murid dari aspek keselamatan semasa menjalankan aktiviti.
  Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Kebebasan

# KEBEBASAN BERSUARA

**SALURAN**

- Berbincang dengan guru atau kaunselor
- Membuat aduan atau laporan bertulis kepada pengetua
- Memaklumkan aduan kepada ibu bapa
- Membuat aduan melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

**KESAN**

- Membantu menyelesaikan masalah yang timbul
- Memastikan pemimpin bertanggungjawab dan berlaku adil
- Membaiki kelemahan sesuatu institusi
- Melahirkan rakyat yang berfikiran matang dan berwawasan

**KEPENTINGAN**

- Memberikan pendapat secara berhemah tentang isu sensitif
- Membantu menyelesaikan masalah atau isu

**Tulis kesan atau kepentingan membuat aduan tentang situasi dalam gambar.**

| | |
|---|---|
| Tempat menjadi bersih dan orang ramai selesa untuk duduk. | Masalah pencemaran bau busuk dapat diatasi segera. |
| Dapat mengurangkan gejala buli. | Dapat menjaga keselamatan kanak-kanak yang menggunakannya. |

1



**Kesan**

2



**Kepentingan**

3



**Kesan**

4



**Kepentingan**

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

# UNIT 12

## TEMA 3: MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

# PERLINDUNGAN HAK ORANG KURANG UPAYA, HAK PENGGUNA DAN HAK PEKERJA DEMI KESEJAHTERAAN BERSAMA



Teliti dan fahami maklumat pada poster berikut.







**Pada unit ini saya akan:**

3.4.1 Menyenaraikan Hak Orang Kurang Upaya, Hak Pengguna dan Hak Pekerja.
3.4.2 Menjelaskan kepentingan melindungi Hak Orang Kurang Upaya, Hak Pengguna dan Hak Pekerja.
3.4.3 Menceritakan perasaan jika Hak Orang Kurang Upaya, Hak Pengguna dan Hak Pekerja dilindungi.




**CADANGAN NILAI**

Hormat
Kasih Sayang
Keberanian
Bertanggungjawab
Kesederhanaan

**RANGSANG MINDA**

Siapakah Orang Kurang Upaya (OKU), pengguna dan pekerja?

**GLOSARI**

**Hak:** Milik, kepunyaan.

**Pengguna:** Orang yang menggunakan sesuatu.

**Pekerja:** Orang yang bekerja untuk memperoleh pendapatan.

(Sumber: PRPM)

# HAK DILINDUNGI

**Baca dan fahami maklumat di bawah.**

Syukur kerana hak golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dilindungi. Mereka juga ialah aset negara.



Saya gembira kerana dilindungi daripada menjadi mangsa penipuan peniaga yang tamak.



## HAK PENGGUNA

- Hak untuk mendapat keperluan asas
- Hak untuk mendapat keselamatan
- Hak untuk mendapat maklumat
- Hak untuk membuat pilihan
- Hak untuk mendapat ganti rugi
- Hak untuk menyuarakan pendapat
- Hak untuk mendapat pendidikan kepenggunaan
- Hak untuk mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat

(Sumber: *Modul Pembangunan Kapasiti Kepada Enables Kepenggunaan, 2017,* KPDNKK)

Terima kasih kerana hak ini dilindungi bagi memastikan kebajikan pekerja dijaga dengan baik.



## HAK PEKERJA

- Hak mendapat perlindungan dan keselamatan
- Hak berpersatuan
- Hak mendapat rawatan jika berlaku kemalangan di tempat kerja
- Hak mendapat upah dan gaji
- Hak mendapat cuti

(Sumber: *http://myhos.mohr.gov.my/eAkta/perburuhan.php*)



**SANTAI MINDA**

Nyatakan faedah anda mengetahui Hak Orang Kurang Upaya (OKU), Hak Pengguna dan Hak Pekerja.

## NOTA GURU

3.4.1
3.4.2
3.4.3

- Bimbing murid memahami semua hak dalam poster.
  Nilai: Hormat, Kasih Sayang, Keberanian, Bertanggungjawab, Kesederhanaan

# HAK KITA SUARA KITA

**Baca dan fahami maklumat di bawah.**

## Hak Mendapat Pendidikan

**Situasi:**

Apakah peluang saya yang dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) untuk meneruskan pelajaran ke universiti selepas tamat persekolahan?

**Jawapan:**

- Orang Kurang Upaya (OKU) boleh memohon kemasukan ke universiti seperti biasa. Setiap universiti menyediakan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Malah ada universiti yang memberikan potongan yuran.
- Pelajar golongan Orang Kurang Upaya (OKU), boleh memohon bantuan kewangan pendidikan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

Kemudahan Orang Kurang Upaya (Laman web)

## Hak Mendapat Ganti Rugi

**Situasi:**

Saya membeli telefon pintar daripada seorang penjual. Telefon tersebut rosak setelah digunakan selama 2 minggu. Apakah tindakan dan saluran untuk saya menyelesaikan perkara ini?

**Jawapan:**

- Anda boleh membuat laporan kerosakan kepada penjual serta menyerahkan telefon yang rosak dan bukti pembelian untuk mendapatkan ganti rugi.
- Anda boleh membuat aduan kepada Persatuan Pengguna atau Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) sekiranya tiada penyelesaian.

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (Laman web)

## Hak Mendapat Gaji

**Situasi:**

Saya tidak dibayar gaji selama dua bulan. Apakah tindakan dan saluran yang sesuai untuk saya mengatasi masalah ini?

**Jawapan:**

- Pekerja boleh berbincang semula dengan pihak majikan.
- Anda perlu membuat aduan kepada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sekiranya tiada penyelesaian.
- Anda boleh melaporkannya juga kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JTKSBH) atau Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTKSWK).

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (Laman web)

Jabatan Tenaga Kerja Sabah (Laman web)

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (Laman web)



### KBAT

1. Nyatakan perasaan anda apabila mengetahui peranan pelbagai pihak membantu untuk menyelesaikan masalah di atas.
2. Sekiranya anda mengetahui kesemua hak yang dinyatakan, bagaimanakah anda boleh membantu orang lain?

### NOTA GURU

3.4.1
3.4.2
3.4.3

- Bimbing murid memahami sumbangan pelbagai pihak dalam melindungi hak masing-masing.

Nilai: Hormat, Kasih Sayang, Keberanian, Bertanggungjawab, Kesederhanaan

# SALURKAN ADUAN ANDA

**Teliti informasi di bawah.**

## Tahukah Anda Saluran Aduan yang Betul?

**Hak Orang Kurang Upaya (OKU)**

### Saluran Aduan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

- Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat
- SMS: KPWKM [Aduan Anda] & SMS ke 15888

(Sumber: *https://www.kpwkm.gov.my/*)

**Hak Pengguna**

### Saluran Aduan Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

- Talian Hotline: 1-800-886-800
- E-mel: e-aduan@kpdnkk.gov.my
- Aplikasi telefon pintar: Ez Adu KPDNKK

(Sumber: *https://www.kpdnkk.gov.my/kpdnkk/*)

**Hak Pekerja**

### Saluran Aduan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)

- Talian: 03-80242953
- E-mel: sgmtuc@gmail.com

(Sumber: *https://www.mtuc.gov.my/*)

**PAK-21**

**Susun Suai**

1. Murid diberi keratan dialog untuk membuat aduan.
2. Susun semula dialog mengikut kesesuaian idea dan aduan.
3. Simulasikan aduan tersebut.

**KBAT**

Mengapakah pelbagai pihak menyediakan saluran aduan kepada umum?

**NOTA GURU**

3.4.1
3.4.2
3.4.3

- Bimbing murid memberikan peneguhan pada jawapan.
  Nilai: Hormat, Kasih Sayang, Keberanian, Bertanggungjawab, Kesederhanaan

# MARI BELAJAR BAHASA ISYARAT

**Teliti panduan kod tangan yang diberikan.**

## Panduan Umum Huruf Kod Tangan Bahasa Melayu



**Tulis huruf di bawah Kod Tangan Bahasa Melayu berpandukan jadual.**

# LINDUNGI HAK



Isyarat Kod Tangan Lindungi Hak OKU (Video)

Isyarat Kod Tangan Lindungi Hak Pekerja (Video)

Isyarat Kod Tangan Lindungi Hak Pengguna (Video)

## NOTA GURU

3.4.1
3.4.3

- Bimbing murid menggunakan bahasa isyarat dengan betul.
  Nilai: Hormat, Kasih Sayang, Keberanian, Bertanggungjawab, Kesederhanaan

# PERLINDUNGAN HAK ORANG KURANG UPAYA, HAK PENGGUNA DAN HAK PEKERJA

| Hak Orang Kurang Upaya (OKU) | Hak Pengguna | Hak Pekerja |
|---|---|---|
| • Hak untuk dihormati<br>• Hak menikmati kehidupan normal<br>• Hak menjalani kehidupan tanpa diskriminasi<br>• Hak mendapat sokongan untuk berdikari<br>• Hak mendapat peluang yang sama | • Hak mendapat keperluan asas<br>• Hak mendapat keselamatan<br>• Hak mendapat maklumat<br>• Hak membuat pilihan<br>• Hak mendapat ganti rugi<br>• Hak menyuarakan pendapat<br>• Hak mendapat pendidikan kepenggunaan<br>• Hak mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat | • Hak mendapat perlindungan dan keselamatan<br>• Hak untuk berpersatuan<br>• Hak mendapat rawatan apabila berlaku kemalangan di tempat kerja<br>• Hak mendapat upah dan gaji<br>• Hak mendapat cuti |
| **Kepentingan** | **Kepentingan** | **Kepentingan** |
| • Memastikan golongan ini tidak terpinggir daripada masyarakat<br>• Mewujudkan masyarakat penyayang | • Melindungi pengguna daripada menjadi mangsa penipuan peniaga<br>• Mendidik masyarakat supaya menjadi pengguna pintar | • Memastikan kebajikan pekerja dijaga dengan baik<br>• Menggalakkan pekerja menjadi lebih produktif |

**Perasaan**

Semua orang berasa gembira dan berpuas hati kerana hak masing-masing dilindungi.

## A. Tulis hak yang betul berdasarkan situasi dalam gambar.

| Hak Orang Kurang Upaya (OKU) | Hak Pekerja | Hak Pengguna |
|---|---|---|

1




___________________________

2




___________________________

3


SLIP GAJI — SULIT

BULAN : JANUARI
NO. STAF : 00289
NAMA : ANBU DEVI
SYARIKAT : SY ENGINEERING SDN. BHD.
CAWANGAN : KUALA LUMPUR
JAWATAN : **********************

| PENDAPATAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|
| GAJI POKOK | 3500.00 |
| ELAUN PENGANGKUTAN | 300.00 |
| ELAUN KEHADIRAN | 300.00 |
| POTONGAN | |
| KWSP | 388.00 |
| PERKESO | 17.75 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 3694.25 |

___________________________

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

## B. Pilih jawapan yang betul.

- Hak mendapat upah
- Hak mendapat cuti

1. Apakah hak yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

   A. Hak Pekerja
   B. Hak Pengguna
   C. Hak Wanita
   D. Hak Orang Kurang Upaya (OKU)

2. Mengapakah kita perlu melindungi Hak Orang Kurang Upaya (OKU)?

   A. Agar menjadi orang yang bijak
   B. Memupuk perasaan bangga
   C. Mereka juga adalah aset negara
   D. Dapat menguatkuasakan undang-undang




3. Nyatakan langkah pertama yang perlu dilakukan apabila berdepan dengan isu di atas?

   A. Berhenti bekerja
   B. Berbincang tentang isu dengan majikan
   C. Laporkan isu kepada polis
   D. Laporkan isu kepada ahli keluarga

*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 137.

# SENARAI CADANGAN JAWAPAN DUGA ILMU

## UNIT 1: KEPEKAAN DIRI TERHADAP AMALAN PELBAGAI AGAMA

**A. (Muka surat 10)**

1. gereja
2. solat
3. colok
4. serban
5. mengaji
6. gurdwara
7. malai
8. kavadi

**B. (Muka surat 11)**

1. ✓
2. ✓
3. X
4. ✓
5. ✓
6. ✓
7. X
8. ✓
9. ✓
10. ✓

## UNIT 2: POTENSI DIRI MEMBENTUK KECEMERLANGAN DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

**A. (Muka surat 22)**

Berpandukan jawapan murid

**B. (Muka surat 23)**

1. Positif
2. Negatif
3. Positif
4. Positif

## UNIT 3: KEHARMONIAN HIDUP BERSAMA DALAM KELUARGA

**(Muka surat 33)**

1.
   - Menyusun
   - Mengemas
2.
   - Memberikan layanan mesra
   - Melakukan aktiviti bersama
3.
   Ibu
   - Menyediakan makanan
   - Mengurus rumah

   Anak
   - Belajar bersungguh-sungguh
   - Menjaga nama baik keluarga
4.
   - Memberikan ubat
   - Memantau suhu badan

## UNIT 4: MENGHARGAI PERSAHABATAN

**(Muka surat 43)**

A.
1. Berterima kasih kerana selalu membantu
2. Bertutur dengan cara yang sopan
3. Menggembirakan hati sahabat

B.
2. Merahsiakan sahabat daripada pengetahuan ibu
3. Menidakkan kesukaan sahabat

**C. (Muka surat 44)**

1. X
2. ✓
3. X
4. ✓

D.
1. Mewujudkan suasana harmoni
2. Persahabatan berpanjangan
3. Memupuk perasaan menghormati rakan

## UNIT 5: HIDUP BERMASYARAKAT

**(Muka surat 55)**

**Melintang**

1. komuniti
2. sokongan
3. tanggungjawab
4. bangga

**Menegak**

5. prihatin
6. sejahtera
7. perpaduan

## UNIT 6: KEMUDAHAN AWAM UNTUK SEMUA

**A. (Muka surat 66)**

1. Bas awam
   Duduk di tempat yang betul
2. Hentian bas
   Duduk di tempat yang disediakan
3. Tandas bergerak
   Menggunakan tandas secara berhemah
4. Kompleks sukan
   Menjaga kebersihan

**B. (Muka surat 67)**

1. B
2. A
3. B
4. A

## UNIT 7: KELESTARIAN ALAM SEKITAR

A. **(Muka surat 76)**

1. ✓
2. ✓
3. 
4. ✓
5. ✓
6. 

B. **(Muka surat 77)**

Jawapan yang bersesuaian

## UNIT 8: TANGGUNGJAWAB DIRI DALAM KEGIATAN SOSIAL

**A. (Muka surat 87)**

1. B
2. A
3. B

**B. (Muka surat 88)**

1. a. Mengumpul buku untuk disumbangkan kepada penganjur

2. a. Dapat menyumbang buku untuk bacaan masyarakat
   b. Mengeratkan hubungan silaturahim

3. Mempromosi melalui laman sosial seperti *Facebook* atau *Whatsapp*

## UNIT 9: ADAB DALAM MAJLIS

A. **(Muka surat 98)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 |  | 4 |  |
| 2 |  | 5 |  |
| 3 |  | 6 |  |

**B. (Muka surat 99)**

Jawapan berpandukan murid

## UNIT 10: HINDARI JENAYAH KANAK-KANAK

**A. (Muka surat 110)**

a. Perbuatan yang menyalahi undang-undang dan peraturan yang dilakukan oleh kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

b. Rogol
   Ragut
   Buli

c. Menjejaskan masa hadapan
   Menjatuhkan maruah keluarga

d. Menjalani kehidupan yang baik
   Bebas merancang kejayaan diri

**B. (Muka surat 111)**

1. Rasional
2. Kesederhanaan
3. Kasih sayang
4. Hormat
5. Bertanggungjawab
6. Harga diri

## UNIT 11: KEBEBASAN BERSUARA

**A. (Muka surat 121)**

1. Tempat menjadi bersih dan orang ramai selesa untuk duduk.
2. Dapat menjaga keselamatan kanak-kanak yang menggunakannya.
3. Dapat mengurangkan gejala buli.
4. Masalah pencemaran bau busuk dapat diatasi segera.

## UNIT 12: PERLINDUNGAN HAK ORANG KURANG UPAYA, HAK PENGGUNA DAN HAK PEKERJA

**A. (Muka surat 132)**

1. Hak Orang Kurang Upaya (OKU)
2. Hak Pengguna
3. Hak Pekerja

**B. (Muka surat 133)**

1. A
2. C
3. B

## SENARAI RUJUKAN

Anita Abdul Rahim, 2014. *Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azra Balqis, 2012. *Terbuang Tetapi Berguna*. Kuala Lumpur: Pustaka Kelisa.

Bahagian Gerakan Kepenggunaan, 2017. *Modul Pembangunan Kapasiti Kepada Enablers Kepenggunaan.* Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Fathi Yusof, 2016. *Teknologi Maklumat dan Hak Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamal Halili Hassan dan Rozanah Ab. Rahman, 2015. *Hubungan Undang-Undang Majikan Dengan Pekerja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009. *Harga Remaja.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014. *Pendidikan Moral Tingkatan 1.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017. *Buku Teks Pendidikan Moral Pendidikan Khas Tingkatan 2.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Malaysia Organising Committee (MASOC) of the 29th SEA Games, 2017. Kuala Lumpur 2017. Kuala Lumpur: Sunburst Communications Sdn Bhd.

Mohd Sidek Mohd Dollah, 2009. *Antologi Gurindam Lautan Kasih Berpantai Sayang*. Selangor: DM Dekmai Enterprise.

Sharifah Alwiah Alsagoff, 1987. *Psikologi Pendidikan 1*. Kuala Lumpur: Longman.

*Undang-Undang Am Malaysia, Jilid III,* 2015. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

**Rujukan daripada Laman Web**

Ayu Malina binti Zainudin, Pelantikan Hakim Kejohanan Liga Hoki Wanita Dunia Pusingan 2. http://www.fih.ch/media/12459979/fih-appointments-2017-outdoor-indoor-as-at-22-december-2016.pdf (dilayari pada 20 November 2017)

Carian Akta dan Jawapan Parlimen, Akta Pekerjaan dan Standard Perburuhan. http://myhos.mohr.gov.my/eAkta/perburuhan.php (dilayari pada 28 November 2017)

Jabatan Kebajikan Masyarakat, Buku Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016. http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/Buku%20statistik%202016.pdf (dilayari pada 8 November 2017)

Jabatan Kebajikan Masyarakat, Program Pemulihan Dalam Komuniti. http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=NGZib0VqSXVlVHZsZjNBVmRpaHBpUT09 (dilayari pada 20 Oktober 2017)

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, http://jtksm.mohr.gov.my/index.php/my/majikan-dan-pekerja/aduan-buruh (dilayari pada 12 Oktober 2017)

Jabatan Tenaga Kerja Sabah, http://jtksbh.mohr.gov.my/index.php/ms/our-services/aduan-buruh-tuntutan-pekerja (dilayari pada 12 Oktober 2017)

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, http://www.jtkswk.gov.my/my/perkhidmatan-kami/pekerja (dilayari pada 12 Oktober 2017)

Konsumer Kini, Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. http://www.konsumerkini.net.my/v1/index.php/berita-terkini/hak-asasi-manusia/495-konvensyen-hak-orang-kurang-upaya-pertubuhan-bangsa-bangsa-bersatu (dilayari pada 20 November 2017)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, e Tribunal https://ttpm.kpdnkk.gov.my/portal/index.php/my/ (dilayari pada 1 Oktober 2017)

Malaysian Foundation For Blind; Tenpin Bowling Marker. https://www.facebook.com/Malaysian Foundation For The Blind/posts/1032321336862761 (dilayari pada 22 September 2017)

Mass Rapid Transit Corporation, Maklumat Korporat dan Kemudahan. http://www.mymrt.com.my/my/sbk/home (dilayari pada 13 September 2017)

Persatuan Bola Jaring Malaysia, http://www.pbjm.net/ (dilayari pada 28 Oktober 2017)

Rakan Alam Sekitar https://ras.doe.gov.my/ (dilayari pada November 2017)

Speedmart Sdn Bhd, Maklumat Pengasas dan Pengarah Urusan. http://www.99speedmart.com.my/about.htm (dilayari pada 12 September 2017)

3R - Laman Web Rasmi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, jpspn.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/131 (dilayari pada November 2017)

# SALINAN HALAMAN DUGA ILMU

Salinan Duga Ilmu Halaman 10

Salinan Duga Ilmu Halaman 11

Salinan Duga Ilmu Halaman 22

Salinan Duga Ilmu Halaman 23

Salinan Duga Ilmu Halaman 33

Salinan Duga Ilmu Halaman 43

Salinan Duga Ilmu Halaman 44

Salinan Duga Ilmu Halaman 55

Salinan Duga Ilmu Halaman 66

Salinan Duga Ilmu Halaman 67

Salinan Duga Ilmu Halaman 76

Salinan Duga Ilmu Halaman 77

Salinan Duga Ilmu Halaman 87

Salinan Duga Ilmu Halaman 88

Salinan Duga Ilmu Halaman 98

Salinan Duga Ilmu Halaman 99

Salinan Duga Ilmu Halaman 110

Salinan Duga Ilmu Halaman 111

Salinan Duga Ilmu Halaman 121

Salinan Duga Ilmu Halaman 132

Salinan Duga Ilmu Halaman 133

# INDEKS


A
adil 120
antarabangsa 16
anugerah
anugerah emas 16
anugerah inspirasi 12
anugerah perak 16
anugerah tokoh OKU 12
azam 20

B
bahasa isyarat 129
beg mesra alam 73, 75
berbudi bahasa 36
berdikari 19, 124
berhemah 65, 115, 120
bekerjasama 28, 48
Buddha 6, 7

C
cemerlang 20

D
demonstrasi 117
derma 80
disiplin 15
diskriminasi 124
dorongan 14

E
ekonomi 18, 19

G
gembira 37
gotong-royong 54
guna semula 70, 72, 73, 75

H
hak 124, 125
Hari Wesak 7
harmoni 11, 40, 42, 44, 92, 110
hormat 32

I
ikhlas 37, 55, 80
imej 92
inovasi 16
inspirasi 15

J
jenayah 103, 105, 106, 109, 111
jujur 37

K
kasih sayang 26, 30, 31, 32, 33, 49
kebebasan bersuara 115
kemudahan awam 58, 65, 67
kesejahteraan 26, 54
kitar semula 71, 73, 75
komuniti 49, 51, 54, 55, 62, 85
Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia 127

L
lemah lembut 92, 97

M
maruah diri 32
memahami 55
membantu 22,23, 36, 37, 40, 43, 55, 80, 86
memupuk 22
mencipta 16, 21
mendoakan 26, 32
menghargai 41, 42
menghormati 6, 7, 26, 33, 42, 44, 86, 93
menyokong 43
menziarahi 11, 92
minat 15, 18, 20, 21, 22, 83

O
OKU 16, 64, 116, 124, 126
orang tua 48

P
patuh 32
penyayang 83
perhatian 17, 18
perlindungan 125
persahabatan 36, 37, 40, 42, 44
potensi 20, 21, 22
prihatin 48
pujian 21

R
rawatan 125

S
sabar 40
sahabat 36, 40, 41, 42, 43, 44
sejahtera 11
selesa 62, 63, 121
semula jadi 71, 75
simpati 49
sisa toksik 117
sokongan 21, 124
sopan 33, 42, 43, 61, 92, 94, 97
sosial 85

T
taat 32
tanggungjawab 32, 33, 36, 49, 54, 80, 82, 85, 88
terima kasih 27, 31, 36, 38, 61
tertib 93,97
Thaipusam 10
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia 126

U
undang-undang 103, 106, 110
upacara 7

V
Vaisakhi 10
variasi 114
vibuthi 4

W
wabak denggi 84
warga tua 48

Z
ziarah 85